


Jilid I
Bil. 19



Hari Rabu
7hb Julai, 1971

MALAYSIA

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RA'AYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETIGA

Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN PERTAMA

First Session

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 2295]

KENYATAAN OLEH MENTERI:

**Laporan Surohanjaya Penyiasatan di-Raja untuk Menyiasat Perjalanan Penguasa²
Tempatan di-Malaysia Barat [Ruangan 2325]**

RANG UNDANG²:

**Rang Undang² Perbekalan Tambahan (1970) (Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga)
[Ruangan 2327]**

Jawatan-kuasa Perbekalan—

**Kepala² B. 5, B. 8, B. 10, B. 13, B. 16, B. 17, B. 19, B. 20, B. 21, B. 33,
B. 38, B. 47, B. 49, B. 51, B. 54, B. 55 dan B. 67 [Ruangan 2350]**

Rang Undang² Hospital Persendirian [Ruangan 2353]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Rabu, 7hb Julai, 1971

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Y.A.B. TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat Yang Berbahagia TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pertanian dan Tanah, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Pengangkutan, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Ta' Berpotfolio, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K. (Raub).
- „ Menteri Kebajikan Masharakat, Yang Berbahagia TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).

- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. Tengku AHMAD RITHAUDEEN BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Dengan Tugas² Khas dan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Pengangkutan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Lipis).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'AID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).

Yang Berbahagia TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).

Yang Berhormat PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).

- „ TUAN AJAD BIN O.T. OYONG (Labuk-Sugut).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).

- Yang Berhormat TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- Yang Berbahagia TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ TAN SRI KHAW KAI BOH, P.M.N., P.J.K. (Ulu Selangor).
- Yang Berhormat TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI IDRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBEI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

- Yang Berhormat DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, P.J. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Luboh Antu).
- Yang Berbahagia TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- Yang Berhormat RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R.C.M. RAYAN *alias* R.C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SINYIUM ANAK MUTIT (Bau Lundu).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PETRA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).

Yang Berhormat TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).

„ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADHIR :

„ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri bagi Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E. (Ulu Rajang).

„ Setia-usaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).

„ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bharu Barat).

„ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).

„ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).

„ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).

„ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ TUAN PETER LO SU YIN (Sandakan).

Yang Berbahagia TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

Yang Berhormat TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

„ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).

Yang Berhormat TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).

„ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).

„ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).

„ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N. (Krian Darat).

„ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).

„ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

„ TUAN V. VEERAPPAN (Seberang Selatan).

„ DATO' JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri Subis).

„ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

YANG HADHIR BERSAMA :

„ Peguam Negara Yang Berbahagia TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Di-lantek).

„ Menteri Tugas² Khas dan Menteri Penerangan, Yang Berbahagia TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Di-lantek).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

ROMBONGAN PERDAGANGAN MALAYSIA KA-NEGERI CHINA

1. Raja Nong Chik bin Raja Ishak bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan sama ada benar bahawa rombongan perdagangan Malaysia yang melawat negeri China Kominis baharu² ini tidak di-anjorkan oleh Kerajaan tetapi oleh Dewan Perniagaan Malaysia, seperti yang di-laporkan dalam akhbar². Jika ya, mengapa-kah jawatan-kuasa dan ahli²-nya tidak di-beri tahu.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Tuan Mohamed Khir Johari): Tuan Yang di-Pertua, rombongan Perdagangan tidak rasmi ka-negeri China tidak di-anjor oleh Kerajaan tetapi oleh Dewan² Perniagaan. Kementerian Perdagangan dan Perusahaan membantu dalam mengator dan membuat perhubungan dengan pehak² yang berkenaan yang ada kaitan dengan perjalanan rombongan itu ka-negeri China. Dewan² Perniagaan sendiri-lah yang patut memberi tahu jawatan-kuasa dan ahli²-nya berkenaan dengan rombongan itu dan persiapan² untuk-nya.

Dr A. Soorian (Port Dickson): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, can the Honourable Minister tell the House about the expenses incurred in this trip and who paid for it?

Tuan Mohamed Khir Johari: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, as far as expenses are concerned, the members of the Delegation bore their own expenses except for the official members whose expenses were borne by the Government.

Dr A. Soorian: Mr Speaker, Sir, can the Honourable Minister tell the House as to the outcome of the Mission?

Tuan Mohamed Khir Johari: Sir, the outcome of the Mission has been published in all papers. I do not think it is necessary for me to say anything beyond what has been published.

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, is it not true that every member of this Delegation had to be screened and approved by the Government

and that several members were rejected on the ground either of security risk or other reason? Is it true and, if so, can he give details of these?

Tuan Mohamed Khir Johari: If there had been any screening, this thing would have been done under normal circumstances.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa-kah hasil-nya yang di-dapati oleh rombongan perdagangan yang pergi melawat ka-Republic of China itu?

Tuan Mohamed Khir Johari: Saya minta tanya lagi sa-kali.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Apakah hasil atau pun faedah-nya yang telah di-dapati, atau pun di-perolehi oleh kita berdasarkan rombongan yang pergi melawat ka-negeri China itu?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, pertama sa-kali rombongan itu dapat mengiratkan perhubungan yang baik antara negara kita dengan negara China dan yang kedua rombongan itu dapat chuba menjalankan perusahaan sa-chara direct atau pun sa-chara terus antara China dengan Malaysia.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Apa-kah benar bahawa negeri China akan membeli getah simpanan kita dan perkara itu telah di-setujui bersama.

Tuan Mohamed Khir Johari: Benar, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Jika benar, saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bila-kah negeri China membeli getah kita?

Tuan Mohamed Khir Johari: Ia sudah pun beli, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, bagaimana-kah keadaan sekarang ini harga getah di-negeri kita yang memang keadaan seperti biasa juga, atau pun sama dengan sa-belum negeri China membeli getah kita, apa-kah hanya negeri China membeli getah simpanan Kerajaan sahaja, atau pun akan membeli getah² yang lain daripada itu.

Tuan Mohamed Khir Johari: Dia akan membeli yang lain juga.

Tuan Lim Kit Siang: Mr Speaker, Sir, can the Minister tell us how many members who wanted to be on this Delegation were rejected by the Government on grounds (a) of being security risk to this country and (b) that they are not either members of the Alliance or not in open sympathy with the Alliance?

Tuan Mohamed Khir Johari: As far as I know, Mr Speaker, Sir, none was rejected on security grounds, but if there had been anyone who was rejected, it was merely because we had to limit the size of the Delegation.

Tuan Lim Kit Siang: Mr Speaker, Sir, is it not true that when this Delegation was in Peking, when the Prime Minister of the People's Republic of China met the Delegation, Mr Chou En Lai refused to meet and discuss matters with those members of the Delegation who were Chinese on the ground that they were the real exploiters of the people in this country?

Tuan Mohamed Khir Johari: Mr Speaker, Sir, I think the Honourable Member might have read the "Singapore Herald." (*Ketawa*)

Tuan Lim Kit Siang: Sir, will the Minister confirm whether it is true or otherwise?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka hendak memberi penerangan, berkenaan dengan soalan tambahan ini bukan-nya boleh sepanjang² masa sampai beberapa soalan tambahan. Soalan tambahan itu mesti hendak menerangkan apa yang di-jawab itu, atau hendak bertanya berkenaan dengan soalan itu dan bila sudah habis di-tanya itu, sudah-lah. Kalau ada apa² lain yang hendak di-tanya, hendak-lah di-buat satu soalan baharu yang lain, masa lain, bukan soalan yang satu itu hendak di-punya oleh semua Ahli dengan berjam².

KAPALTERBANG² SHARIKAT PENERBANGAN SINGAPURA— KEBENARAN

2. Raja Nong Chik bin Raja Ishak bertanya kepada Menteri Pengangkutan sama ada Kerajaan akan bersetuju membenarkan kapal-terbang Sharikat Penerbangan Singapura mendarat di-Pulau Pinang, Kota Kinabalu, Kuching dan lain², sa-lepas perpechahan Sharikat Penerbangan M.S.A. kelak.

Menteri Pengangkutan (Dato' Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, Perundingan Perjanjian Udara di-antara Malaysia dan Singapura maseh belum tamat dan pengumuman niat negara kita pada ketika ini ada-lah tidak bijak dan mungkin akan melibatkan kepentingan negara kita di-dalam perundingan² sa-terus-nya dengan negara tersebut.

Dr A. Soorian: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, can the Honourable Minister tell us whether the Singapore Government contemplates paying us compensation for the good-will incurred in the use of the initials of M.S.A?

Dato Haji Abdul Ghani Gilong: Soal ini ia-lah soal lain, Tuan Yang di-Pertua, lagi pun perkara ini belum timbul.

KEMASOKAN WANG MALAYSIA KA-SINGAPURA—MEMBERHENTIKAN

3. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Kewangan menyatakan bila-kah Kerajaan Malaysia akan memberhentikan kemasokan dengan sa-wenang²-nya wang kita ka-Singapura memandang bahawa Malaysia ada-lah negara yang berdaulat dan merdeka.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): Tuan Yang di-Pertua, saya anggap yang Ahli Yang Berhormat itu merujuk kepada peratoran pertukaran dengan Singapura yang membolehkan penukaran bebas di-antara matawang Malaysia dan matawang Singapura dengan nilai yang sama. Peratoran ini telah di-buat bagi memudahkan perdagangan di-antara kedua² negara dan untuk mengelakkan kesusahan² yang akan di-alami oleh pelan-chong² di-antara kedua negara tersebut. Peratoran ini telah berjalan dengan baik dan saling memberi faedah kepada kedua² negara. Oleh itu, peratoran sekarang tidak-lah patut di-berhentikan.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Jika sa-sungguh-nya chara ini baik, tidak mengapa, tetapi jika sa-kira-nya timbul perkara tidak baik oleh kerana banyak wang² daripada Malaysia ini dengan senang berapa banyak pun boleh bawa ka-Singapura dan tanam-nya modal di-sana. Jadi kalau sa-kira-nya satu rumah yang kaya raya di-bawa kerusi meja-nya ka-satu negeri yang lain, atau ka-rumah yang lain, negeri ini atau rumah itu akan jadi miskin; itu-lah yang di-takuti-nya.

Dan Singapura ada-lah satu Kerajaan yang merdeka dan berdaulat sa-patut-nya pertukaran wang mesti-lah dapat di-pertahankan.

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, the Honourable Member, I think, must appreciate that this is a two-way traffic—it is not a one-way traffic—and the “proof of the pudding”, as they say, “is in the eating”. This policy has resulted in the foreign reserves of this country increasing all the time, and that this is the best proof that this policy is right.

Dr Chen Man Hin (Seremban Timor): (*Dengan izin*) Can the Honourable Minister of Finance tell us what is the approximate circulation of Singapore money in Malaysia and *vice versa*?

Tun Tan Siew Sin: Mr Speaker, Sir, to begin with, this is a different question and, secondly, I am not sure that we are in a position to provide these figures.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kenapa Malaysia tidak mahu membuat peratoran supaya wang kita tidak boleh di-bawa keluar negeri dengan sa-chara sa-wenang²-nya dengan tidak mendapat kebenaran daripada pihak pemerintah.

Tun Tan Siew Sin: Mr Speaker, Sir, I cannot understand the objection of the Honourable Member to this arrangement.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan kenapa Malaysia tidak mahu membuat dasar, atau pun peratoran supaya wang kita tidak boleh di-bawa keluar negeri dengan sa-wenang²-nya atau pun dengan sa-mudah²-nya dengan tidak mendapat kebenaran daripada pihak Kerajaan kerana dengan keadaan sekarang ini akan mendatangkan kerugian yang banyak daripada kewangan kita.

Tun Tan Siew Sin: Mr Speaker, Sir, I tried to clarify this point when I replied earlier. As I have been trying to say, not only inside this House but outside this House, the liberal foreign exchange policy which we have followed all these years has produced handsome dividends. Let us remember that the surest way of encouraging a capital outflow is to tell your people that you cannot send your money out; that is the best reason for

sending the money out. If, on the other hand, you tell your people that you can send your money out any time you want to, any amount you like, no questions asked, that is the best reason for the money staying here.

As a result of this policy, our external reserves have been rising rapidly since Independence; and even in May, 1969, in spite of the May 13 troubles, our reserves went up by over \$500 million in that year. The reason is very simple, because people realise that if you send money here you can take it out any time you like, and hence this country has become a haven for “hot” money. Honourable Members will probably be interested to know that after the sterling devaluation in November, 1967, there was a massive inflow of “hot” funds into Malaysia from London. In fact, the inflow of capital from Britain, and this is British money, not Malaysian money—was so embarrassingly large that I reduced the Treasury bill rate for 30-day Treasury bills from 5½% to 4% in two stages, in order to stop the inflow of funds from Britain, because it was becoming embarrassingly large, and in spite of the fact that we were paying only 4% and Britain was paying 8%, money flowed from Britain to Malaysia. That is the best proof that our policy is right.

Dr Chen Man Hin: Mr Speaker, Sir, it was reported in the *Straits Times Business Section* that Singapore is the largest investor in Malaysia. What is the position of the Malaysian investment in Singapore?

Tun Tan Siew Sin: Mr Speaker, Sir, I am not responsible for the publication of the *Straits Times*. (*Ketawa*).

DASAR EKONOMI BAHARU

4. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail bertanya kepada Perdana Menteri, memandangkan bahawa Malaysia sekarang ini sedang giat melaksanakan dasar ekonomi Negara yang baharu dengan memberikan perhatian utama kepada kemajuan perdagangan, penanaman modal bersama dan pelanchongan, supaya menyatakan pada sa'at ini:

- (a) sa-jauh mana-kah dasar ekonomi baru ini telah di-laksanakan di-dalam dan di-luar negeri; dan
- (b) sama ada Kerajaan akan menyediakan tanah serta bangunan² untuk penanam² modal asing membuka perusahaan².

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, dasar ekonomi baharu Kerajaan ada-lah terkandung dalam Ranchangan Lima Tahun Kedua Malaysia yang telah pun di-bentangkan di-Dewan ini. Dan saya fikir kalau Ahli² Yang Berhormat membacha dan meneliti Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini dapat-lah mengetahui dan memahami berkenaan dengan dasar ekonomi baharu ini. Bagitu juga kita akan membincangkan Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini pada minggu hadapan beberapa hari, dan saya fikir tidak payah-lah saya mengambil masa Dewan ini untuk menerangkan perkara ini sekarang.

PENJUALAN SENJATA² KA-AFRIKA SELATAN—PENDIRIAN MALAYSIA

5. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail minta Menteri Luar Negeri menerangkan, memang-dang kapada sikap Britain berdegil mengenai penjualan senjata² kapada Afrika Selatan semasa Persidangan 31-Negara Perdana² Menteri Komanwel yang telah di-adakan di-Singapura pada 21hb Januari, 1971:

- (a) apa-kah pendirian Malaysia mengenai pengecualian Lautan Hindi di-jadikan pengkalan bagi kuasa² besar menguji kekuatan;
- (b) sa-juah mana-kah Malaysia sanggup mengikut sikap yang di-ambil oleh Negara² Komanwel;
- (c) sama ada Malaysia berchadang hendak menyingkir Britain daripada Komanwel dan melantek Canada sebagai gantinya menjadi negara pemimpin Persidangan Perdana² Menteri Komanwel yang akan datang;
- (d) sama ada Malaysia akan membangkitkan masaalah penjualan senjata oleh Britain kapada Afrika Selatan dalam Persidangan Persatuan Parlimen Komanwel yang akan di-adakan di-Malaysia tiada berapa lama lagi.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, di-persidangan Perdana² Menteri Komanwel di-Singapura dan di-perjumpaan negara² berkechuali yang di-adakan di-Lusaka, Kerajaan kita telah menyokong dasar bahawa Lautan Hindi itu hendak-lah di-jadikan kawasan keamanan yang bebas dari segala kegentingan.

Berkenaan penjualan senjata ka-Afrika Selatan pula Malaysia telah menyatakan sikap-nya menentang soal ini di-Persidangan

Perdana² Menteri Komanwel di-Singapura. Negara kita, telah bersetuju untuk menjadi ahli dalam Kumpulan Pengkaji Lapan Negara (Eight-Nation Study Group) untuk memeriksa kembali soal ini. Sunggoh pun bagitu sabagai tindakan kapada pengumuman Kerajaan British untuk menjual senjata kapada Afrika Selatan, Malaysia sakali lagi telah menyuarakan tentangan-nya dan keluar daripada Kumpulan tersebut.

Sunggoh pun Malaysia menentang dengan tegas-nya chadangan Britain hendak menjual senjata² kapada Afrika Selatan, tetapi tidak-lah di-fikirkan tindakan Britain itu boleh memerlukan ia-nya di-singkir daripada Komanwel pada masa ini.

Persidangan Parlimen Komanwel ada-lah satu meshuarat di-antara Ahli² Parlimen bukan wakil² Kerajaan. Bentok dan kandongan agenda itu di-tetapkan sa-telah perbincangan di-adakan di-antara chawangan² tempatan Persatuan Parlimen Komanwel itu dan Jawatan-kuasa Tertinggi.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Sukachita saya mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, apa-kah penentangan kita terhadap penjualan senjata ka-Afrika Selatan ini di-buat sa-chara bersunggoh² sa-bagaimana yang pernah di-buat tentangan dalam masaalah apartheid oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman pada ketika beliau menjadi Perdana Menteri yang mana kita tahu perkara itu di-masa dahulu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi kita telah buat tentangan dengan bersunggoh² di-mana ada tempat yang kita berpeluang beruchap berkenaan dengan perkara ini kita telah menentukan sikap kita yang tegas dalam perkara ini.

PERHUBONGAN ANTARA MALAYSIA DAN SINGAPURA

6. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail minta Menteri Luar Negeri menyatakan berkaitan dengan kenyataan yang telah di-keluarkan kapada sidang akhbar oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada satu masa yang lalu bahawa ada-lah menjadi hasrat beliau supaya Malaysia dan Singapura berhubung dengan erat lagi, apa-kah persiapan² yang telah di-buat dan persetujuan²

yang telah tercapai di-antara Malaysia dan Singapura:

- (a) mengenai perkara² yang bersangkutan dengan kebudayaan dan kesenian mithal-nya tukar-menukar ranchangan² radio dan talivishen;
- (b) mengenai pertahanan; dan
- (c) berhubung dengan penyeludupan dan kesalahan² jenayah.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, dalam lawatan rasmi-nya ka-Singapura dahulu Menteri Penerangan pada masa itu Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Abu Samah ada membincangkan perkara² ini dengan pehak Singapura. Pada masa sekarang ini tidak ada apa² peratoran tukar-menukar ranchangan radio dan talivishen antara kedua² negara, tetapi ranchangan talivishen Singapura dan talivishen Malaysia ada juga di-tayangkan di-Malaysia dan Singapura melalui ranchangan Persatuan Penyiaran sa-Asia atau A.B.U.

Malaysia dan Singapura ada-lah anggota² Peratoran Pertahanan Lima Negara yang telah pun di-persetujukan dalam Rundingan Pertahanan yang telah di-adakan baharu² ini di-London dalam bulan April yang lalu. Peratoran² ini mengujudkan perundingan antara pehak² yang berkenaan sa-kira-nya timbul ancaman dari luar terhadap kedua² buah negara.

Pihak² Kastam dan Polis kedua² buah negara telah pun menjalankan kerjasama yang rapat antara mereka dalam usaha² meng-cheгах penyeludupan dan jenayah.

Kita akan terus berusaha untuk mendapatkan kerjasama dan persafahaman yang erat di-antara kedua² buah negara.

MEMILEKI HARTA—PERATUS PENDUDOK² MALAYSIA

7. Tuan V. David minta Menteri Kewangan menyatakan peratus pendudok² Malaysia yang memileki harta di-Negeri ini.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada butir² rasmi yang terdapat mengenai alehan harta² di-Malaysia atau di-negara² maju di-dunia ini sa-kali pun.

KESATUAN PEKERJA LETRIK NEGARA—TUNTUTAN

8. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan mengapa tun-

tutan yang di-buat oleh Kesatuan Pekerja Letrik Negara tidak dapat di-selesaikan kerana perkara tersebut telah berlanjutan dari tahun 1967, dan jikalau Lembaga Letrik Negara tidak dapat menyelesaikan-nya, boleh-kah perkara itu di-majukan kepada Mahkamah Perusahaan Persekutuan.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah membuat tawaran yang terakhir kepada Kesatuan Pekerja² Lembaga Letrik Negara pada 11hb Mach, 1971 dan saya sendiri telah juga mengadakan perjumpaan dengan pegawai² dari Kesatuan itu pada 15hb Mei, 1971 untuk menerangkan tawaran tersebut, tetapi malang-nya pehak Kesatuan itu tidak dapat menerima tawaran Kerajaan itu. Saya telah ma'alomkan kepada Kerajaan hasil perjumpaan itu dan juga reaksi dari pegawai² Kesatuan tersebut.

Sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat juga terma'alom Kerajaan telah pun melantek sa-buah Surohanjaya di-Raja Gaji untuk meng-kaji gaji dan sharat² perkhidmatan dalam semua badan² berkanun dan badan² separoh Kerajaan dan Surohanjaya tersebut akan juga memeriksa tuntutan² dari Kesatuan² dalam Lembaga Letrik Negara.

Tuan V. David: (*Dengan izin*) Is it not a fact that the National Electricity Board Employees' Union has waited for the last 4 years, and will the Minister assure this House that the Commission will complete its findings within a specified period?

Tuan Mohamed Khir Johari: (*Dengan izin*) Tuan Speaker, I think the Commission has, under its terms of reference, been told to finish its work within six months and I have no doubt that it will comply with the Government's request.

PENANAMAN MODAL—JUMLAH

9. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan menerangkan:

- (a) jumlah Penanaman Modal Luar Negeri di-Malaysia sa-hingga 31hb Disember, 1970; dan
- (b) penanaman Modal Ra'ayat Malaysia sa-hingga 31hb Disember, 1970.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Jumlah penanaman modal luar negeri di-Malaysia Barat sa-hingga akhir tahun 1969 berjumlah sa-banyak

\$2,909,845,000 ia-itu 62.1% dari jumlah pelaburan modal dalam semua sektor perusahaan di-negara ini.

- (b) Ra'ayat Malaysia Barat telah menanam modal berjumlah \$1,176,411,000 ia-itu 25.2% dari jumlah modal yang ditanam dalam semua badan² penanaman modal di-Malaysia Barat sa-hingga akhir bulan Disember, 1969.

Angka² bagi Malaysia Timor tidak dapat di-perolehi sa-takat ini. Butir² lanjut lagi bagi jenis penanaman modal boleh di-dapati dari Jabatan Perangkaan.

Tuan Walter Loh Poh Khan: (*Dengan izin*) Will the Honourable Minister of Commerce and Industry state how much money from this foreign investment just stated is direct investment, that is to say, money used to set up factories, etc. and how much money is long-term or short-term investment?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Speaker, I would require notice for that question.

T.V. MALAYSIA—BAYARAN YANG DI-KENAKAN

10. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Penerangan menyatakan bayaran yang di-kenakan oleh T.V. Malaysia, bagi suatu iklan yang di-tayangkan sa-lama 5 minit.

Menteri Dengan Tugas² Khas dan Penerangan (Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, payah saya hendak menerangkan berapa bayaran yang di-kenakan pada 5 minit kerana banyak rupa bayaran-nya. Iklan² yang di-tayangkan menerusi T.V. kita ada-lah di-kenakan bayaran-nya mengikut jangka masa dan juga mengikut bahasa-nya. Jadi, mithal-nya kalau dalam Bahasa Malaysia ini kalau tujuh minit slide itu bisu, satu macham. Kalau dalam Bahasa Inggeris lain pula. Kalau kita gunakan filem itu 20 sa'at dalam Bahasa Malaysia satu bayaran, dalam bahasa Inggeris lain bayaran, dalam Bahasa China lain bayaran. Jadi, kalau hendak mengikut pertanyaan lima minit tadi, kalau bahasa Malaysia, dalam 20 sa'at sa-kurang²-nya \$3,420.00 untuk lima minit.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapat-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ini menimbangkan supaya di-berhentikan iklan rokok yang di-tayangkan oleh Talivishen kita?

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, ini ada-lah soalan lain, bukan soalan itu.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dapat-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ini menyatakan sa-jauh mana perbezaan iklan dalam Bahasa Malaysia dengan iklan dalam Bahasa Inggeris mengikut jenis-nya.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, umpama-nya slide bisu, tujuh sa'at dalam Bahasa Malaysia \$90.00 dalam Bahasa Inggeris—\$111.00, dalam Bahasa China—\$128.00 dan dalam Bahasa Tamil \$70.00. Kalau hendak yang lain, boleh lagi umpama-nya 20 sa'at. Boleh saya sam-bong. Terima kaseh.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sikit sahaja penjelasan di-minta daripada Yang Berhormat Menteri itu, kenapa dalam Bahasa Tamil lebeh murah daripada Bahasa Kebangsaan?

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, ini kerana pelanggan-nya kurang. Jadi, itu-lah sebab kurang pula harga-nya.

T.V. MALAYSIA—UMNO MALAYSIA MENGGUNAKAN

11. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Penerangan menyatakan jika tidak dengan bayaran apa-kah hak istimewa bagi UMNO Malaysia menggunakan T.V. di-dalam semua perayaan parti itu.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, UMNO Malaysia yang sa-benar-nya tidak berhak—tidak ada hak untuk menggunakan Talivishen kita untuk kepentingan dia, tetapi sudah menjadi kebiasaan sa-barang peristiwa yang menarek perhatian umum akan di-liputi oleh Talivishen termasuk-lah perayaan² yang besar²an.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Menteri yang berkenaan sedar bahawa perayaan UMNO tidak menarek perhatian orang² PAS dan parti² yang lain-nya.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Penyedaran saya berlainan. Memang ra'ayat di-dalam negara ini nampak-nya tertarek dengan soal perayaan tadi.

RANCHANGAN MIMBAR ISLAM

12. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa dengan memberikan masa tidak lebih daripada 15 minit sa-minggu kepada ranchangan Mimbar Islam yang di-siarkan pada tiap² malam Juma'at, tidak menchukupi dan tidak memberi kesan atau faedah kepada umat Islam juga tidak sesuai dengan taraf agama Islam sa-bagai Ugama rasmi negeri ini.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu mengatakan bahawa masa-nya 15 minit sahaja untuk agama, ini tidak benar, tidak benar. Kerana Talivishen Malaysia kita yang sa-benar-nya di-dalam ranchangan agama kita memakan masa tidak kurang daripada 25 minit sa-minggu dan daripada bulan ini bertambah lagi 10 minit, jadi 35 minit. Kemudian ranchangan itu pula di-ulang sa-mula dalam minggu itu. Dan saya harap Ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, dia dapat juga menengok dalam ranchangan kedua, jangan dalam ranchangan pertama sahaja, yang kedua ada juga.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Soalan tambahan. Umat Islam di-negeri Kelantan khas-nya tidak dapat hendak tengok rangkaian yang kedua, boleh-kah di-nyatakan dalam Majlis ini bila-kah rangkaian yang kedua itu dapat di-saksikan oleh umat² di-sabelah negeri Kelantan?

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soal ini kelmarin sudah di-tanya—sudah di-janji dahulu bila masa Kelantan itu akan dapat rangkaian yang kedua, tetapi yang menyoyal ini, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Kedah.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Memang benar saya maseh ingat ada Yang Berhormat Menteri Penerangan dan Penyiaran ini memberi jawapan, bahawa kata-nya dalam bulan Ogos akan dapat di-saksikan di-negeri Kelantan itu tetapi sa-panjang yang saya saksikan tidak ada kesan² kerja di-lakukan. Di-negeri Kelantan itu ada permintaan² daripada Kementerian Penerangan dan Penyiaran minta tapak untuk memasang alat steshen pemancar di-tempat itu dan tapak telah di-berikan lebih kurang sekarang sudah dekat 8 bulan tetapi tidak ada kesan kerja

nampak-nya, satu kerja pun tidak di-buat lagi. Saya bimbang kok bulan 8 tidak sempat, sebab itu saya minta satu tarikh yang tetap.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Itu saya bimbang bagitu juga, tetapi saya sedang berusaha dengan sa-boleh²-nya.

PEPERANGAN ANTARA PAKISTAN TIMOR DAN BARAT—SIKAP MALAYSIA

13. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) sikap Malaysia terhadap peperangan antara Pakistan Timor dan Barat; dan
- (b) sama ada Malaysia telah berusaha menyelesaikan persengketaan ini, demi perpaduan kedua² negara.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan dahulu bahawa perkara ini ada-lah perkara dalam negeri Pakistan. Saya berharap masaaalah ini akan dapat di-selesaikan dengan sa-chara persahabatan dan sa-chara damai di-antara pehak² yang berkenaan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Baharu² ini bagi pehak Kerajaan kita telah menghulorkan derma kalau tidak salah ingatan saya \$40,000. Derma ini kita beri atas simpathi kita kepada Pakistan-kah atau kepada ra'ayat Pakistan di-India?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, derma ini kita beri atas perasaan kemanusiaan kepada Badan Bangsa² Bersatu yang sedang menguruskan orang² pelarian daripada Pakistan Timor ka-India.

Tuan Lim Kit Siang: (*Dengan izin*) Will the Government recognise the Republic of Bangla Desh?

Perdana Menteri: Mr Speaker, Sir, I made it quite clear that all this is the internal affair of Pakistan, and we cannot interfere in the internal affair of Pakistan.

Tuan Peter Paul Dason: (*Dengan izin*) Will the Prime Minister inform this House whether the Government feels that the right of self-determination of the people of Bangla Desh should be upheld by us?

Perdana Menteri: Mr Speaker, Sir, I have already made our position clear. This is an internal affair of Pakistan. East Pakistan is

part of Pakistan, and I think self-determination means self-determination of the people of the whole of Pakistan.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh-kah Perdana Menteri membuat satu perishtiheran yang tegas supaya semua ra'ayat di-Malaysia ini mengetahui bahawa soal Bangla Desh itu ada-lah persoalan dalam Pakistan itu sendiri?

Perdana Menteri: Saya sudah buat, Tuan Yang di-Pertua, perishtiheran yang tegas sebab sudah kerap kali sangat saya chakapkan hal ini, sudah di-ishtiherkan dalam akhbar² dan juga dalam Radio dan juga Talivishen.

PERSIDANGAN KOMMONWEL DI-SINGAPURA—PENAREKAN DIRI

14. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Luar Negeri menyatakan pandangan Malaysia mengenai penarekan dirinya daripada menjadi anggota Jawatan-kuasa Khas yang di-tubuhkan bagi mengkaji keadaan keselamatan di-Lautan² Hindi dan Atlantik, semasa Persidangan Kommonwel di-Singapura.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah terangkan tadi kita telah menarek diri daripada menjadi Anggota Kumpulan Lapan Negara ini ia-lah di-sebabkan Kerajaan British telah mengumumkan hasrat-nya hendak menjual senjata ka-Afrika Selatan, dan kita fikir tidak ada lagi sebab-nya di-adakan meshuarat kumpulan ini dan tugas² kumpulan ini tidak ada berfaedah.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau sa-kira-nya dengan tindakan yang di-buat oleh Malaysia ia-itu dengan menarek diri daripada kumpulan ini tidak juga memberi kesan, atau memberi satu pengajaran kepada Kerajaan British untuk menarek diri-nya atau menarekkan niat-nya hendak menjual senjata kepada Afrika Selatan itu, maka apakah langkah sa-lanjut yang di-fikirkan patut di-lakukan oleh Kerajaan kita Malaysia?

Perdana Menteri: Saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada langkah lain yang kita boleh buat pada masa ini, ini kita tunggu-lah pada masa hadapan, perkara ini akan kita awasi daripada satu masa ka-samasa.

TUNTUTAN FILIPINA KA-ATAS SABAH

15. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Luar Negeri menjelaskan suatu kenyataan yang telah di-buat oleh Setia-usaha Luar Negeri Filipina, Tuan Carlos P. Romulo, di-London bahawa Filipina sedang menyejokkan tuntutan-nya ka-atas Sabah dari Malaysia.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pada fikiran saya tidak kena pada tempat-nya bagi saya untuk memberi penjelasan atas sa-barang kenyataan yang di-buat oleh Setia-usaha Negara Filipina bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Tuan Carlos P. Romulo, termasuklah kenyataan yang di-buat-nya di-London. Sa-patut-nya beliau sendiri yang dapat menyatakan tujuan² di-atas perkara ini. Tetapi saya suka tegaskan di-sini bahawa kepada Malaysia tuntutan-nya terhadap Sabah itu tidak-lah berasas semua sa-kali.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah kenyataan Setia-usaha Luar Negara Filipina di-London itu di-ikuti dengan kenyataan rasmi yang di-tujukan kepada Kerajaan Malaysia atau tidak ada?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada.

MENTERI LUAR NEGERI MALAYSIA BERJUMPA SULTAN BRUNEI

16. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar beliau, sa-bagai Menteri Luar Negeri, ada berjumpa dengan Sultan Brunei di-London, semasa kedua²-nya berada di-sana baru² ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, berita ini tidak benar. Tidak ada apa² perjumpaan di-antara Sultan Brunei dengan saya sa-masa saya berada di-London dahulu. Adalah kami di-London pada satu masa yang sama ia-lah sa-chara kebetulan sahaja, jadi kami berada di-London itu bagi tujuan² yang berlainan.

PENYELIA² KEMAS—KEDUDOKAN

17. Dr Sulaiman bin Mohd. Attas minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan kedudukan Penyelia² KEMAS yang telah di-kaji sa-mula dan elau² mereka, jika tidak, nyatakan sama ada Kementerian akan menyiasat di-atas hal ini.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, Penyelia² KEMAS ialah mendapat elaun dan bukan-nya gaji tetap dan elaun mereka itu mengikut banyak peruntukan yang di-dapati pada tiap² tahun kadang² di-kehendaki ramai Penyelia² makan gaji mereka kurang sedikit dan jika kurang di-kehendaki jumlah ramai mereka, pendapatan mereka itu agak di-tambah sedikit.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Dapat-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ini menimbangkan bahawa elaun bagi Penyelia² ini patut di-tambah lagi dengan sebab kenaikan harga barang² pada masa ini sa-bagaimana juga yang di-terima oleh pegawai² Kerajaan.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Saya memang simpati dengan mereka dan sentiasa menimbangkan nasib mereka itu daripada sa-masa ka-samasa, tetapi sama ada dapat atau tidak, ta' dapat saya sebutkan dalam Dewan ini.

Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan. Bahawa sa-tengah² daripada Penyelia² KEMAS ini telah berkhidmat lebeh daripada 10 tahun, ada-kah Kerajaan berchadang menjadikan mereka itu sa-bagai pegawai tetap dalam Kementerian?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Kerajaan dahulu mengadakan kelas² membasmu buta huruf ini hanya untuk sementara ia-itu berjalan lebeh kurang 15 tahun satu masa yang di-anggarkan bahawa usaha membasmu buta huruf itu dapat di-laksanakan dan ini bukanlah satu jabatan yang tetap untuk sa-lama²-nya.

DOKTOR² YANG BERKHIDMAT DENGAN KERAJAAN

18. Dr Sulaiman bin Mohd. Attas minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan doktor² yang berkhidmat dengan Kementerian yang mana konterek² mereka telah berakhir pada tahun 1970, dan berapa ramai daripada mereka yang telah memperbaharui kontrek² mereka; dan
- (b) memandangkan di-negara ini doktor² sangat berkurangan, apa-kah langkah² yang telah di-ambil oleh Kerajaan untuk mengelakkan masalah ini supaya

kita tidak payah lagi mengambil doktor² dari luar negeri di-masa² yang akan datang.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, bilangan doktor² yang tamat konterek pada tahun 1970 ia-lah sa-ramai 36 orang. Bilangan doktor² membaharui konterek pada tahun 1970 ia-lah 33 orang. Langkah² yang telah di-ambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan doktor² termasuk doktor gigi ada-lah Pengishtiharan Ordinan No. 65 (Kuasa² Perlu) Dharurat Tahun 1971 yang mana doktor² yang baharu di-daftarkan kena berkhidmat dua tahun pada Kerajaan dan yang kedua, mengkaji kemungkinan menu-bohkan sa-buah lagi Fakulti Perubatan dan yang ketiga, kita sedang mengadakan sa-buah Fakulti Pergigian sa-berapa daya yang bo'leh, sedang di-ishtiharkan tentang dekan²-nya dan professor²-nya sementara ini.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, apa-kah dengan kerana kita maseh kekurangan doktor-lah, maka terjadi satu kejadian bagaimana yang di-cheritakan oleh Bajang dalam akhbar *Utusan Melayu* pada hari ini, ia-itu beberapa orang terpaksa menunggu berjam² lama-nya untuk di-rawat ia-itu mereka yang telah terkena kemalangan dalam kemalangan bas di-Jalan Pahang baharu² ini?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu, ini ta' ada kena-mengena fasal kekurangan doktor. Saya sendiri telah menguruskan. Ini adalah bersalahan faham. Yang sa-benar-nya berpuluh orang itu semua mendapat luka², dan hendak menunggukan pakar. Doktor ada 4 orang di-dalam Otopedik yang mengusahakan itu dan saya sedang menyiasat tentang sebab² mengapa sampai begitu lama di-tunggu-nya. saya belum dapat lagi keputusan-nya. Saya bagi pehak orang ramai minta ma'af atas kelambatan itu.

Tuan Loh Jee Mee: (*Dengan izin*) Can the Honourable Minister tell this House whether the Government has recruited, or intends to recruit in the future, any doctors from Singapore?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Sekarang ini dengan ada-nya undang² baharu ini, kita ada sa-ramai 200 orang doktor sa-tahun dan mesti dua tahun dia berkhidmat dengan Kerajaan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Yang Berhormat Menteri Kesihatan, ada-kah beliau mengambil perhatian atas tegoran bajang bagaimana yang di-sebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu tadi berhubung dengan kelambatan doktor merawat orang² yang sakit itu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, yang sa-benar-nya saya sudah bagi beberapa kali arahan, tetapi malam petang semalam saya ada dalam Dewan Ra'ayat ini, kalau tidak saya pergi sendiri, Tuan Yang di-Pertua. Itu kerja saya.

Dr A. Soorian: (*Dengan izin*) Will the Honourable Minister tell the House what is the basis of recruitment of doctors for National Service and whether this basis has been revised?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Minta tempoh-lah. Saya agak dalam 200 orang pada tahun hadapan, tetapi bila undang² yang akan di-sampaikan ini, pehak² Pembangkang tolong sokong kuat² supaya tidak lambat dalam hospital kerana kekurangan doktor.

Dr A. Soorian: I am afraid the Honourable Minister has not answered my question.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: (*Dengan izin*) With reference to the details, I require time. You can come to my office and I will give you the details.

Dr A. Soorian: Soalan tambahan. Would not the Honourable Minister agree that shortage of doctors in the country is an urgent matter, and would not the Honourable Minister agree that he should give incentives to our local students to pursue medical sciences with a view to further service in the country here instead of recruiting doctors from Cairo, Korea and what have you?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Bagi pelajaran sains, ini kewajipan rakan saya Menteri Pelajaran dan saya dengar beliau ini sedang merekakan, tolong-lah hadapkan soalan itu pada beliau.

Berkenaan dengan mengambil doktor daripada luar negeri, saya ta' peduli, sampaikan daripada bulan pun, kalau kurang doktor, apabila saya dapat kebenaran daripada Kerajaan, saya terpaksa mengambil doktor dari luar. Kita patut ucapkan terima kasih kepada doktor² daripada luar yang sudah menolong negara ini, bukan hendak sakit² hati atau pun chemburu kepada mereka itu.

PEMEGANG² LESEN LORI DAN TEKSI—TINDAKAN

19. Dr Sulaiman bin Mohd. Attas minta Menteri Pengangkutan menyatakan apa-kah tindakan yang telah di-ambil terhadap pemegang² lesen lori dan teksi yang tidak mematuhi undang² dan syarat² yang di-kenakan ka-atas mereka, jika tidak, mengapa; dan jika ya, berikan butir² penoh mengena hal tersebut.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sudah dapat mengambil dan maseh akan mengambil tindakan terhadap pemegang² lesen lori dan teksi, atau kereta sewa yang tidak mematuhi syarat² yang di-chatitkan di-dalam lesen² mereka. Bilangan lesen² yang telah di-ambil tindakan dalam tahun 1970 dan tahun 1971 hingga bulan Mei, ada-lah saperti berikut:

(i) Bagi lori, van dan lain ² :			
di-beri amaran	...	...	144
di-gantung	...	...	133
di-batalkan	...	...	200
(ii) Bagi teksi atau kereta sewa:			
di-beri amaran	...	...	11
di-gantung	...	...	24
di-batalkan	...	...	16

Dalam tahun 1971 hingga 31hb Mei, 1971—

(i) Bagi lori dan van:			
di-beri amaran	...	...	42
di-gantung	...	...	144
di-batalkan	...	...	73
(ii) Bagi teksi atau pun kereta sewa:			
di-beri amaran	...	...	12
di-gantung	...	...	9
di-batalkan	...	...	12

Dr Chen Man Hin: (*Dengan izin*) In view of the fact of the problem of air pollution, will the Honourable Minister of Transport please tell us whether steps have been taken to control air pollution from diesel engine cars?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Ini ada-lah soalan lain.

Dr Chen Man Hin: Berkenaan dengan kereta² dan regulations juga

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa soal ini soal lain sedikit. Kalau hendak kata soalan itu juga boleh, sampai panjang mana pun boleh.

Dr Sulaiman bin Mohd. Attas: Yang Berhormat Menteri telah memberi tahu dan ma'alomkan dalam tahun 1970, lori dan van telah di-kensel ia-lah 44, jadi lesen² itu telah di-berikan kepada siapa?

Tuan Yang di-Pertua: Tak berapa dengar, chuba ulang balek.

Dr Sulaiman bin Mohd. Attas: Mengikut ma'aloman tahun 1970 lori dan van 44 telah di-kensel—sudah di-batalkan dan ada-kah di-beri permit itu kepada sharikat², atau pun pada orang lain. Ma'ana-nya saya hendak tahu yang telah di-batalkan ada-kah di-beri pada sharikat² atau orang persendirian, atau orang² yang lain?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Dato' Yang di-Pertua, lesen yang sudah di-batalkan itu sudah di-batalkan, dan bila² ada permohonan untuk memenuhi kekosongan² bagi tempat² yang sudah kekurangan kereta tersebut, Lembaga Pelesenan sentjasa menimbangkan mengikut merit permohonan masing².

Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di-sini saya hendak bertanya kepada Menteri Pengangkutan ia-itu saya baharu² ini ada pergi ka-Kementerian bertanya sama ada permohonan² bagi lesen² kenderaan terutama sa-kali lori boleh-kah dapat di-beri. Saya telah di-fahamkan ia-itu permohonan ini telah di-bekukan, tetapi mengikut Menteri Pengangkutan tadi dia kata boleh di-beri. Mana-kah yang betul, dan mana-kah yang ta' betul?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Yang saya maksudkan tadi ada-lah di-hari yang sudah. Berkenaan dengan teksi, hingga pada hari ini pun, Tuan Yang di-Pertua, kalau perlu kita keluarkan, kita maseh keluarkan, tetapi lesen lori pada baharu² ini kita telah bekukan kerana pada waktu ini kita sedang buat satu polisi yang baharu.

Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan: Ada beberapa permohonan yang telah di-pinta dalam tahun 1969 yang maseh lagi tidak di-layankan, kerana saya tahu kawasan ini memang-lah tidak ada lori terutama sa-kali lori yang berkelas B atau pun A?

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak berapa faham soalan itu.

Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya bertanya berkenaan perkara ini ia-lah ada permohonan² yang di-buat oleh penduduk² terutama sa-kali di-kawasan saya tidak dapat layanan semenjak tahun 1969. Menteri Pengangkutan berkata tadi yang di-bekukan itu baharu saja.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran lesen ini ada-lah terpulang kepada Licensing Board dan bukan-lah bererti tiap² permohonan itu akan di-luluskan.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya minta ma'af kerana sebab lambat sangat Menteri yang berkenaan menjawab soalan tambahan daripada Ahli Yang Berhormat di-sabelah sana. Sekarang boleh-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menerangkan di-antara lesen² kereta sewa dan lesen² lori yang telah di-batalkan itu termasuk juga lesen² ketera sewa dan lesen² lori yang terdapat dalam negeri Kelantan yang telah di-batalkan?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Ini saya minta notis terlebih dahulu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dia minta notis terlebih dahulu.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Penjelasan kalau saya bertanya berapa banyak, atau berapa bilangan mustahak-lah Yang Berhormat Menteri itu di-beri notis terlebih dahulu. Ini chuma hendak tahu ada-kah lesen² itu di-Kelantan yang di-batalkan? Itu sahaja. Jadi kalau tidak dapat beri jawapan pun, terima kaseh.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Angka yang saya berikan tadi itu ada-lah meliputi seluruh negeri Malaysia Barat ini dan ada kemungkinan juga Kelantan termasuk.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Terima kaseh, itu sahaja yang saya mahu.

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon izin beruchap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Beruchap ta' bo'eh, bertanya sahaja boleh. (*Ketawa*)

Tuan Hor Cheok Foon: (*Dengan izin*) Sir, in the light of the Ministry of Transport's action against holders of lorry licences, this

question comes up always when the Ministry enforces such rules and regulations. I mean, in terms of commerce, because of the necessity of doing good business, most of the lorries have been over-loaded and some, of course, run into some other offences against the regulations and rules laid down by the Ministry. In enforcing such rules and regulations, the authorities or the Police who are enforcing such regulations would always stop these lorries mid-way when these lorries are in the course of their business and when this happens, all the lorries are stopped into one long queue and the Police swing into action. In most cases the lorry drivers themselves are fully aware of what is going to happen and corruption comes in. Therefore the question is, it is not so much

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Untuk penjelasan, apa Ahli Yang Berhormat itu hendak maksudkan? Itu dia tanya supplementary question atau dia lecture?

Tuan Yang di-Pertua: Itu saya pun suka hendak tahu, saya pun ta' tahu.

Tuan Hor Cheok Foon: I think I will put the question in short. Is the Minister aware that corruption occurs when his officers or police officers or policemen are in the course of enforcing rules and regulations against lorry drivers whom they think are committing an offence?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini ada-lah soalan lain, tetapi walau pun begitu saya chuba juga jawab-lah untuk ma'aluman Ahli Yang Berhormat. Kalau ada perkara sa-macam itu, saya harap Ahli Yang Berhormat itu tidak diam², patut dia report kepada polis.

PERTUKARAN ANGGOTA² TENTERA

20. Dato' (Dr) Haji Abdul Aziz bin Omar minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tentera kita selalu di-tukarkan dari satu tempat ka-satu tempat dan penukaran yang kerap ini melibatkan banyak perbelanjaan, yang kebanyakan daripada-nya di-tanggung oleh tentera² itu sendiri, jika ya, nyatakan:

- (a) sama ada Kementerian berchadang menambah elaun pertukaran yang ada sekarang berdasarkan pangkat, besar kechil-nya sa-suatu keluarga, nyatakan juga had barang² yang di-benarkan dan

belanja pertukaran di-bayar oleh Kerajaan; dan

- (b) sama ada penukaran yang kerap ini mengakibatkan kelemahan pelajaran anak² tentera kita.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail): Kerajaan sedar, Tuan Yang di-Pertua, akan kesulitan² yang di-hadapi oleh anggota² tentera kita yang di-sebutkan oleh penukaran² mereka yang sering berlaku. Pada masa sekarang anggota² tentera tidak di-beri apa² elaun pertukaran. Tindakan untuk memberi bantuan kewangan yang chukup untuk perbelanjaan penukaran sedang di-timbangan oleh Kerajaan. Bagi mereka yang di-tukarkan ka-Malaysia Timor, walau bagaimana pun elaun pemulehan—disturbance allowances sa-banyak sa-bulan gaji pokok sedang di-beri.

Pertanyaan (b) mungkin akibat ini ada. Untuk mengatasi masaalah ini, Kerajaan sedang meranchangkan membena pengkalan², kem² tetap yang mana akan mempunyai sekolah² dan asrama²-nya sendiri. Sa-lain daripada itu Kementerian saya akan juga berusaha mengurangkan berlaku-nya pertukaran² sa-berapa yang boleh.

PEMBERHENTIAN ANGGOTA² ANGKATAN TENTERA

21. Dato' (Dr) Haji Abdul Aziz bin Omar minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa 40% dari tentera² kita, di-berhentikan perkhidmatan mereka setelah berkhidmat sa-lama 10 tahun, ada-lah di-dalam lingkungan umur 30 tahun, maseh muda dan chergas, dan kebanyakan dari mereka tidak bekerja kerana peluang² pekerjaan hanya terbuka kepada orang² yang berumur 25 tahun ka-bawah, dan jika ya, nyatakan:

- (a) bilangan mereka yang telah berhenti; dan berapa ramai di-antara mereka yang maseh belum bekerja; dan
- (b) langkah² yang sedang di-ambil oleh Kerajaan untuk memberi peluang² pekerjaan kepada gulungan bekas tentera ini.

Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail: Sejak tahun 1960 hanya 161 anggota² Angkatan Tentera Malaysia sahaja yang telah di-berhentikan perkhidmatan mereka. Tidak ada angka² yang tepat bagi bilangan mereka

yang maseh menganggor. Ada-lah menjadi dasar Kerajaan bahawa bekas Anggota Tentera kita apabila di-berhentikan dari perkhidmatan mereka di-berikan peluang mendapat pekerjaan². Pada masa sekarang keutamaan di-beri kepada bekas Anggota Tentera dalam pekerjaan tertentu dalam Kerajaan. Sementara itu segala daya usaha untuk mendapatkan pekerjaan bagi mereka di-kalangan swasta juga ada di-jalankan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Ada-kah Kementerian ini bersedia mengkaji berhubung dengan Tangga Gaji Askar² kita dan memberikan persaraan yang lebeh. Pada masa sekarang mereka menerima hanya 5% sahaja?

Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail: Dato' Yang di-Pertua, saya rasa soal itu soal lain. Boleh-lah Ahli Yang Berhormat berikan soalan pertanyaan itu kepada next session.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir soalan yang saya bangkitkan baharu sa-bentar tadi ada kaitan-nya dengan soalan ini. Chuma yang kami minta, ra'ayat hendak tahu, ada-kah Kerajaan sedia menimbangkan tangga gaji askar² kita dan memberikan persaraan had yang lebeh daripada sekarang, itu yang kami hendak tanya, ia-itu ada kaitan-nya dengan soalan ini?

Tuan Yang di-Pertua: Dia sudah kata next session.

Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan Tambahan. Tuan Yang di-Pertua, mengikut peratoran sekarang ini, sa-orang tentera yang telah berkhidmat sa-lama 21 tahun dalam Pasokan Tentera, maka baharu-lah dapat di-sarakan. Ada-kah Kerajaan boleh menimbangkan kepada tentera kita ini kepada had 18 tahun membolehkan tentera itu mendapat persaraan?

Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail: Dato' Yang di-Pertua, benar-lah pertanyaan Ahli Yang Berhormat tadi, perkara² ini maseh di-dalam kajian kita untuk mengkaji kedudukan² semua Angkatan Tentera kita.

Tuan Yang di-Pertua: Masa soalan sudah chukup. (Masa untuk Pertanyaan² bagi Jawab Mulut telah chukup, dan jawapan² Lisan bagi Pertanyaan² No. 22 hingga 32 ada-lah di-beri di-bawah ini).

CAPITAL INVESTMENT COMMITTEE— ACCOUNT ON

22. Dr Chen Man Hin: (*Dengan izin*) To ask the Minister of Finance to state whether he can give an account on the "Capital Investment Committee" stating:

- (a) its objectives and progress,
- (b) the total number of projects planned,
- (c) the total number of projects carried out, and
- (d) the total number of capital investments drawn from inside and outside the country.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): (*Dengan izin*) (a), (b) and (c)—

A statement of the objectives of the Capital Investment Council, as it is now called, (C.I.C. for short) and a summary of some of its activities can be found in the FIDA Annual Report 1970 which is being tabled at this session of Parliament as Statute Paper No. 209 of 1971. The C.I.C. by its very nature does not plan and carry out projects as such. To put it briefly, the main task of the Council is to accelerate industrial development, particularly in the private sector. In pursuance of this objective, it has undertaken the task of reviewing and co-ordinating the policies of the Ministries/Departments concerned, with a view to expediting the processing of applications for the setting up of industrial plants. In practice, this means the reduction of red tape to a minimum. As a result, the number of approvals granted in respect of applications for the setting up of industrial projects has increased significantly. In 1968, only 41 projects were approved. The Committee, as it was then called, was formed in the middle of 1969, but even then the number of projects approved in that year had risen to 145. In 1970, the total reached 334.

- (d) The amount of capital investment in manufacturing industry from 1966—1970 was about \$800 million. The cumulative total of capital investment in pioneer industries as at the end of 1970 was \$613.1 million. Out of this total, foreign capital amounted to \$350 million and domestic capital, \$263.1 million.

PERUSAHAAN TARAF PERINTIS— BILANGAN SEJAK 1966-1970

23. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan jumlah bilangan perusahaan² yang di-beri taraf perintis semenjak dari tahun 1966 hingga tahun 1970, dan dari jumlah ini, nyatakan:

- (a) bilangan perusahaan² yang telah berjalan;
- (b) bilangan perusahaan² yang akan berjalan; dan
- (c) bilangan perusahaan² yang belum memulakan perjalanan-nya.

Tuan Mohamed Khir Johari: Jumlah bilangan perusahaan² yang di-beri taraf perintis pada dasar-nya semenjak dari tahun 1966 sa-hingga tahun 1970 ia-lah 361.

- (a) 83 dari perusahaan² itu telah pun menghasilkan pengeluaran;
- (b) semua perusahaan² yang lain, ia-itu sa-jumlah 278 lagi, sedang berada di-berbagai² peringkat penubohan dan akan memulakan pengeluaran masing² tidak lama lagi. Walau bagaimana pun, harus ada beberapa sharikat² yang di-luluskan ini yang mungkin tidak dapat di-tubuhkan oleh sebab penguasa²-nya menghadapi rintangan² yang tidak dapat di-atasi sa-telah menerima kelulusan daripada Kerajaan.
- (c) jawapan bagi soalan ini ada-lah sama seperti jawapan yang di-beri di-(b).

PERUSAHAAN PEMBUAT—BILANGAN SEJAK 1966-1970

24. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan Perusahaan² Pembuat yang telah memulakan pengeluaran barang² yang di-buat semenjak dari tahun 1966 hingga tahun 1970;
- (b) jumlah modal² yang di-sumbangkan; dan
- (c) jumlah pekerja² yang bekerja di-perusahaan² ini.

Tuan Mohamed Khir Johari:

- (a) Jumlah bilangan perusahaan² perkilangan yang telah memulakan pengeluaran semenjak dari tahun 1966 sa-hingga tahun 1970 di-anggarkan sa-banyak 200.

(b) Modal yang di-sumbangkan di-anggarkan berjumlah \$800 juta.

(c) Jumlah pekerjaan yang terujud dengan penubohan perusahaan perkilangan² ini bagi jangka masa 1966-1970, ia-lah lebih kurang 53,000.

JAWATAN KETUA SETIA-USAHA DALAM KEMENTERIAN HAL EHWAL SARAWAK—LANTEKAN

25. Tuan Jonathan Narwin Anak Jinggong minta Perdana Menteri menyatakan sama ada sa-orang warganegara Malaysia yang di-lahirkan di-Sarawak, yang berkelayakan serta berpengalaman dalam hal ehwal negeri Sarawak boleh di-lantek sebagai Ketua Setia-usaha dalam Kementerian Hal Ehwal Sarawak.

Perdana Menteri: Boleh.

PASOKAN BELIA PEMBANGUNAN NEGARA—AKTIVITI²

26. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Pasokan Belia Pembangunan Negara akan meluaskan aktiviti²-nya ka-Sarawak supaya belia² negeri Sarawak tidak akan terasa bahawa mereka ketinggalan dalam usaha Pembinaan Negara.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah): Kementerian ini belum berchadang hendak meluaskan kegiatan Angkatan Pembena Negara di-negeri Sarawak pada masa ini di-sebabkan perjalanan Angkatan ini ada-lah di-dalam kajian yang bertujuan memperbaiki-nya.

JABATAN² KERAJAAN YANG MENYEWA BANGUNAN² DI-SARAWAK—BILANGAN

27. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan Jabatan² Kerajaan yang menyewa bangunan² di-Sarawak dan jumlah sewa tahunan dan sama ada lebih murah perbelanjaan bagi mendirikan satu complex Bangunan Persekutuan di-pusat² pentadbiran bahagian, untuk menempatkan berbagai² jabatan Persekutuan.

Tun Tan Siew Sin: Pada masa sekarang 15 Jabatan Kerajaan Persekutuan sedang menyewa bangunan² di-Sarawak dan wang sa-jumlah \$217,516 ada-lah terlibat untuk menyewa tempat² tersebut.

Kerajaan telah pun mempertimbangkan persoalan bagi membena bangunan² Persekutuan untuk menempatkan Jabatan² Persekutuan dan peruntukan telah pun di-buat di-bawah Rancangan Pembangunan Malaysia yang Kedua—1971-1975 bagi membena pejabat² Kerajaan Persekutuan yang baru di-Kuching dan di-Pusat² Pentadbiran Bahagian di-Sarawak.

MARA—DASAR PINJAMAN

28. Chegu Bungsu bin Abdullah minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbangkan untuk menjadikan dasar pinjaman² MARA bersesuaian dengan keadaan² di-Sarawak supaya bantuan MARA boleh memberi faedah kepada anak² negeri di-Negeri itu.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): MARA sememangnya telah pun menjalankan dasar memberi pinjaman wang kepada orang² Bumiputra di-Negeri Sarawak yang bersesuaian dengan keadaan² di-dalam Negeri itu oleh kerana MARA memahami sangat, ia-itu keadaan² di-Negeri² Malaysia Timor tidak-lah serupa dengan keadaan² di-Malaysia Barat. Ini ada-lah ternyata di-dalam bidang perusahaan pengangkutan, misal-nya di-Negeri² Sabah dan Sarawak, MARA mengeluarkan pinjaman² wang untuk projek pengangkutan sungai seperti motor-bot dan sebagai-nya, yang mana ada-lah tidak diberikan kepada penduduk² di-Malaysia Barat.

TANAMAN TEBU—KAJIAN

29. Tuan Pengarah Rahun anak Debak minta Menteri Pertanian dan Tanah menyatakan sama ada Kerajaan akan menjalankan satu kajian mengenai kemungkinan menanam tebu sa-chara besar²an dan kemudian-nya di-dirikan sa-buah kilang gula di-Sarawak supaya harga gula dapat di-kurangkan.

Enche' Mohamed Khir Johari: Satu kajian mengenai kemajuan perusahaan tebu di-Malaysia sa-chara besar²an telah di-jalankan dan hasil dari pengajian itu beberapa kawasan yang sesuai telah di-tentukan untuk penanaman tebu. Negeri² Perlis, Perak, Johor dan Negeri Sembilan telah memulakan rancangan masing².

Memandangkan kepada kemajuan² ini dan dengan tujuan untuk menjadikan pengeluaran gula tempatan cukup bagi menampung ke-

perluan negara langkah² ada-lah juga diambil untuk memperkukuh dan memper-tegohkan perusahaan ini.

Chadangan untuk membuat satu kajian kemungkinan bagi penanaman tebu sechara besar²an dan seterusnya mendirikan kilang² di-Sarawak hendak-lah di-pertimbangkan dalam hubungan rancangan pembangunan negara keseluruhan-nya.

Jika sekira-nya penanaman tebu di-jalankan dengan sechara besar²an di-Sarawak serta kilang² di-dirikan, dan jika keperluan² gula tempatan boleh di-bekalkan oleh perusahaan gula tempatan, maka harga gula pasir seterusnya ada-lah bergantung di-antara lain kepada harga pengeluaran gula mentah tempatan.

PUSAT PEKERJAAN—PENUBOHAN

30. Tuan Luhut Wan bertanya kepada Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat bila-kah Kerajaan akan membuka sa-buah pusat pekerjaan supaya ra'ayat yang menganggor dapat di-daftarkan dan Jabatan Buroh menolong mencharikan mereka pekerjaan.

Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tan Sri V. Manickavasagam): Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat telah pun menubuhkan Pejabat² Pekerjaan di-seluruh negeri. Pada masa sekarang sa-banyak 18 buah Pejabat Pekerjaan penoh-masa dan 24 buah Pejabat² Pekerjaan sambilan terdapat di-Malaysia Barat dan 5 buah Pejabat Pekerjaan penoh-masa di-Malaysia Timor (sa-buah Pejabat Pekerjaan di-Sarawak dan 4 buah Pejabat² Pekerjaan di-Sabah).

PEGAWAI² TENTERA DI-SARAWAK—KELAKUAN

31. Tuan Edwin anak Tangkun minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apa-kah langkah² tertentu yang sedang di-ambil untuk menjaga para pegawai² tentera di-Sarawak yang tidak bertanggung-jawab dari berkelakuan tidak senonoh supaya kelakuan² tersebut tidak akan menchemarkan muhibbah dan keamanan di-antara pehak tentera dan orang² awam di-luar bandar.

Tun Dr Ismail bin Dato' Haji Abdul Rahman: Saya tidak mengetahui tentang apa² kelakuan yang tidak senonoh yang di-lakukan oleh anggota² tentera di-Sarawak. Jika berlaku kejadian² sa-umpama itu tindakan disiplin yang sewajar-nya akan di-ambil terhadap anggota² tentera berkenaan itu.

I am not aware of any serious cases of misbehaviour of our military personnel in Sarawak. If there are any such cases appropriate disciplinary action will be taken against the personnel concerned.

KUMPULAN WANG BENCHANA NEGARA—JUMLAH YANG TELAH DI-KUMPUL

32. Dato' James Wong minta Menteri Kebajikan 'Am menyatakan berapa-kah jumlah wang yang telah di-kumpulkan oleh Kumpulan Wang Benchana Negara semenjak dari ia di-tubuhkan dan bagaimana-kah wang ini telah di-gunakan.

Menteri Kebajikan 'Am (Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim): Jumlah wang yang dipungut setakat 15-6-71 oleh Tabong Bantuan Benchana Negara yang sekarang adalah seperti berikut:

Di-pindahkan daripada Tabong Bantuan Dharurat Negara	\$ 1,317,563.16
Kerajaan Persekutuan ...	9,000,000.00
Kerajaan Negeri ²	245,933.87
Tabong Amanah Perkhidmatan Kebajikan dan Masharakat ...	500,000.00
Sumbangan daripada orang ramai	2,436,836.39
Jumlah ...	\$13,500,333.42

Wang ini sedang di-gunakan bagi bantuan dan pemulehan mangsa² banjir yang terlibat di-Negeri² di-Malaysia Barat. Bantuan dan pemulehan, di-antara lain² termasuk membekalkan makanan untuk penjagaan serta-merta terhadap mangsa² banjir, dan bantuan untuk membeli buku² sekolah dan pakaian seragam, kain² baju, perkakas² rumah, bantuan keluarga, membaiki dan mendirikan semula rumah² dan bantuan kepada perniagaan² kecil.

KENYATAAN OLEH MENTERI LAPORAN SUROHANJAYA PENYIASATAN DI-RAJA UNTUK MENYIASAT PERJALANAN PENGUASA² TEMPATAN DI-MALAYSIA BARAT

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon kebenaran

dari tuan untuk membuat ucapan dalam Bahasa Inggeris berkenaan dengan perkara Laporan Surohanjaya di-Raja untuk Menyiasat Perjalanan Penguasa² Tempatan di-Malaysia Barat.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, at the previous session of the House a number of Honourable Members have asked questions concerning the Report of the Royal Commission of Enquiry to investigate into the working of Local Authorities in West Malaysia under the Chairmanship of the Honourable Senator Athi Nahappan. At this session several Honourable Members have again submitted questions for oral answers. As it is difficult to deal with the subject adequately to the satisfaction of the House by answers to questions, I would ask of you, Sir, to allow me to make a statement as the Minister responsible.

As Honourable Members are aware, the Royal Commission under the Honourable Senator Athi Nahappan was appointed in July, 1965. It started its work in September of the same year and submitted its Report only in January, 1969. The printed Report itself with the appendices but excluding records of proceedings and memoranda submitted to the Royal Commission contained 347 pages of quarto-size printed materials.

After seriously studying the Report of the Commission and taking into account what transpired in this country since the last General Election was held, the Government has come to the conclusion that considering the small size of the country, that we have representative Governments at National and State levels that certain of the functions of the Local Authorities can be taken over by the State Governments, it is considered unnecessary and indeed redundant to have another tier of representative Governments at Local Authority level. It has therefore decided to consult the State Governments to abolish the system of Local Government with elected members.

In conclusion Sir, I would like, as Minister of Local Government, to express the Government's appreciation to members of the Royal Commission of Enquiry to investigate into the Workings of Local Government in West Malaysia for their very useful study and report on which they have spent so much time and effort. The Report of the Commission will be printed and tabled in Parliament.

RANG UNDANG²

RANG UNDANG² PERBEKALAN TAMBAHAN (1970)

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan yang ditangghokan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang² ini di-bachakan kali yang kedua sekarang" (6hb Julai, 1971).

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail): Tuan Speaker, saya minta izin bila menjawab bidaan² daripada Ahli² Pembangkang supaya boleh berkata dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Sir, the D.A.P. and the like-minded Opposition Members' rhetoric claim to democracy is not matched by their awareness that for democracy to survive it must fight for its survival. The fact that democracy in this country has endured since independence is to a large extent due to the existence of the Internal Security Act. If it were not for the Internal Security Act, this country, let alone being a democratic country, would never exist as it is today. It will be completely in the hands of the communists and their lackeys, including those who supported them in their attempt to subvert this country.

Sir, in order to put the picture correct to this new House, I would like very briefly to categorise the so-called detainees, but I prefer to call them people who have been isolated from the law-abiding members of the society. Sir, these detainees can be divided into two categories: (i) those directly involved in subversive activities and in organised violence; (ii) those directly concerned with criminal offences involving violence. Category (i) are those detained under the Internal Security Act and category (ii) under the Emergency (Public Order) (Prevention of Crimes) Ordinance, 5 of 1969, or in short, it is known as POPOC.

Sir, the Internal Security Act is a legislation enacted by the Yang di-Pertuan Agong on the authority of the special powers under Article 149 of our Constitution. The Internal Security Act is to provide for the internal security of the Federation, preventive detention, the prevention of subversion and suppression of organised violence against persons and property in specified areas of the Federation. A Detention Order under Section 8 of

the Internal Security Act is not issued on a person on the basis of his affiliation or membership of a political party. The Order is issued on the grounds that the person has acted, is about to act, or likely to act in any of the following manners:

- (1) prejudicial to the security of Malaysia or any part thereof;
- (2) prejudicial to the maintenance of public order or essential services therein;
- (3) prejudicial to the economic life of the Federation.

Sir, in regard to the Emergency (Public Order) (Prevention of Crimes) Ordinance, No. 5 of 1969, this Ordinance is aimed at counteracting crimes involving violence by secret societies or other groups of people. The ordinary process of law through the law courts has proved to be inadequate in this country. When a case is before the Court for hearing, we often hear of witnesses not being available or of witnesses having their evidence impeached. This has been the result of threats of violence by gangsters or other organised body of persons. Members of the public are afraid to serve as witnesses. Accused persons have been discharged or acquitted as a result. This law does not replace the ordinary law of crimes. But to supplement the process of law through the Courts, it has been necessary to have the Ordinance No. 5 of 1969.

Now, Sir, under section 4 (1), a person can be detained up to two years to prevent him from acting in a manner prejudicial to public order or his detention may be necessary for the suppression of violence or prevention of crimes involving violence. For the same reason, a person can be put under restriction for up to two years under section 4A (1). Now, Sir, the safeguards for arrest and remand pending the issue of the Order of Detention or Restriction is similar to section 73 of the Internal Security Act and is found in section 3 (3) of Ordinance 5/69.

Now, Sir, in regard to the crime rates in this country, just to show how effective this POPOC has been, I would like to give a few statistics. These are in respect of crime rates in the years 1969 and 1970. In the case of murder or bunoh, before POPOC was promulgated in 1969 there were 268 cases, but in 1970 there were only 118; so there is a drop of 56% in this class crime. In the case of "rompak beramai", gang robbery, in 1969, before POPOC was promulgated, the rate was

136; in 1970, it was only 67—there was a drop of 50%. In the case of robbery, in 1969, before POPOC, the rate was 1,327; in 1970, it was only 800—a drop of 40%. Then, in respect of *memeras*, i.e. extortion, in 1969, the rate was 676, but after the POPOC in 1970, it was 428—a drop of 36%. Then in the case of house robbery, in 1969 the rate was 7,525; in 1970, it was 6,310—a drop of 16%. In the case of theft of motor cars/motor cycles, in 1969 it was 2,069; in 1970 it was 1,152—a drop of 45%.

Now, Sir, this is a clear indication why this Act is necessary for this country; and it is a clear indication that quite a number of people who perpetrated these crimes are now “His Majesty’s guests” at Pulau Jerejak; and as far as I am concerned, this Act—and I intend to introduce it into this Parliament—will be a permanent law of this country, because it is the duty of the Government to govern and in a democracy the majority rules

Dr A. Soorian: (*Bangun*).

Tun Dr Ismail: Sir, I am speaking to you, and I do not like to be interrupted.

Tuan Yang di-Pertua: No interruption, please.

Tun Dr Ismail: And what has the Opposition got to do in order to malign this Security Act that has contributed a lot to the security of this country? They cannot win the election and become the Government and so they have no chance through acts of Parliament, through parliamentary democracy, to have this Act annulled. As I said, in every election we the Alliance went to the country and asked the country to endorse our action in regard to the Internal Security Act; and at every election we have won and we are asked to govern this country, and we intend to rule this country. Then the other method, of course, that is left for the Opposition to do is to prove to the country that this Act has been abused. Well, this is a fair parliamentary method, provided the method is used fairly and in a parliamentary manner.

Now, Sir, the Members of the Opposition, especially the D.A.P., have emphasised over and over again about the mal-treatment, the torture and all the difficulties that the detainees have undergone. As I mentioned yesterday, if you look at the Honourable Member opposite who is not here today—it

is better to name him and he is Mr. V. David—who was a detainee and also the Member for Bandar Melaka, we do not see any signs of torture on them. In fact, if we look at the Honourable Mr V. David, he looks like a prosperous businessman and not even as a labour leader. I do not know how far his detention has contributed to his opulence, that is only for him to enlighten us. But that is the best example to show that we do not use torture, and we do not give any mal-treatment to our detainees. What is more, since the D.A.P. has always appealed to the Amnesty International and to other bodies outside the country to stop the so-called torture and mal-treatment by the Alliance Government, I would like here to read the letters that I received firstly from Dr Martin dan Mr. Daniel daripada Persatuan Palang Merah.

Surat ini bertarikh 29hb Mach, 1971. Ini photostat dia dan dia sain; Roland D. Martin, International Committee Red Cross. Kandongan surat itu berbunyi:

“Bersama² ini saya turunkan chatitan lawatan yang telah di-buat oleh Dr Martin dan Mr Daniel ka-tempat Tahanan Kunjongan Khas, Batu Gajah pada 26hb Mach, 1971. Dalam Official Visitors Book.”

“Our first visit in Malaya. We think that treatment is given according to humanitarian laws.”

Please note, Members of the D.A.P., humanitarian laws, because I have a lot to say on that one.

Then there is a letter in connection with the visit of the Setiausaha Negara sabagai Ketua Palang Merah Malaysia. Ini surat kapada Tengku Mohamed di-alamatkan kapada Pesuruhjaya Penjara, berbunyi:

“Setiausaha Negara telah datang melawat tempat Tahanan Kunjongan Khas, Batu Gajah sa-bagai Ketua Palang Merah Malaya pada 14hb Jun, 1969. Dia telah menulis dalam Official Visitors Book seperti berikut:

“Very well organised Detention Camp.”

Ini surat daripada Martin Arnold, Secretary-General, Amnesty International.

I think I better read the whole letter; it is not very long. It is addressed to Tuan Sheikh Abdullah, not to me, mark my words please, to a civil servant—Permanent Secretary, Ministry of Home Affairs, Jalan Dato’ Onn, Kuala Lumpur, West Malaysia. It reads:

“Dear Sir,

I have just seen a report sent to our Research Department by Miss Estrella Carreras on her recent visit to Malaysia. Miss Carreras is a

member of the West Australian Section of Amnesty International and was asked to make some informal enquiries on our behalf whilst she was in Kuala Lumpur.

Miss Carreras has told us of the meetings she has had with you and also of the arrangements, most courteously made by you, for her to interview Mr Tan Kai Hee, one of the detainees. I should like to thank you for so generously giving your time and providing such constructive help to one of our members. Miss Carreras has reported to us on the very real improvement made to the conditions of detention during the last year.

May I formally record our appreciation of this and say how much pleasure it gives me to be able to write to a government, in response, a good, rather than critical, report.

Miss Carreras also made a number of recommendations to us on the way she feels that conditions of the detainees might especially be improved.

I will send them to you in a short time for your comments."

Now none of these letters speaks about these tortures and mal-treatment which have been voiced in this House by Members of the Opposition, especially by the D.A.P. Now, Sir, these are irresponsible statements made by Honourable Members of this House. What are we to interpret of them? It is none other than to abuse the Parliamentary practice to which they made rhetorical claims. They wanted to make a martyr of the Honourable Member for Bandar Melaka for having been detained for his activities prejudicial to the security of this country. Well, that is the prerogative of the D.A.P., but let me remind the Honourable Members of the D.A.P., in the words of the Chief Minister of Sarawak,

"If your so-called martyr had not been taken in by the Government, he would not be here for you to make a martyr of him."

There are allegations that there are no safeguards to our exercise of the Internal Security Act by the Government. I have mentioned the safeguards: one is this House; the other one is the free Press. Then there are internal safeguards in the administration of the Act. People are detained according to the law and they are asked to appear before a Committee of Review presided over by a Judge or a person qualified to be a Judge and they can make their representations and if the Committee of Review is not satisfied, then they will be detained; but if we were to abuse this power and if I were to stick strictly to the letter and not the spirit of the law, I do not think the Honourable Member, whom I described as being more like a prosperous businessman than a trade union

leader, and the Honourable Member for Bandar Melaka would not be here to take their seats. I think that is another tribute to us that we do not abuse this power. We look at this strictly from the security of the country.

Then there are suggestions that Members of the Opposition should be included in the Committee of Inquiry to look into the affairs of the detainees. Sir, I would like to make it clear that I have tried to allow the Opposition Members to visit these detainees. I had to suspend that privilege because instead of trying to look after the welfare of the detainees, they go there to do politics. Then, naturally, I have the discretion. I have given them the privilege and if they abuse that privilege, I have no compunction in not allowing any member of any political party who does not subscribe to the spirit and the letter of the Internal Security Act. They will never be allowed so long as I am a Minister to visit the detainees. As far as the detainees are concerned, they are entitled to visits from their relatives and their legal advisers. So all the arguments put forward by Honourable Members of the Opposition to prove that we have abused the provisions of this Act, that we have resorted to abuse in the administration of this Act, are not borne by the evidence that I have laid before this House. Look at the Member for Bandar Melaka; look at the Honourable Mr V. David. Do you think that if they had been tortured or mal-treated they would look so fresh and so honourable as they are in this House? (*Ketawa*)

There were questions asked about people who had been detained for so long and never been released. Now, here, first of all, I would like to answer a question that, I was surprised, was put to me during "Question Time", about those who have been detained since colonial days. Now there are 66 of them and they have been detained between January, 1963 and August, 1963. Now, if you remember, Malaysia was formed in August, 1963, so they were detained by their colonial regime only for a few months; and we saw it fit to detain these people in the interest of the security of the country and their cases are continually being reviewed.

We regard the provisions of this Internal Security Act not so much as punitive measures but rather as preventive measures, because we feel that in this fledgling democratic country of ours we have to isolate those people who are afflicted by infectious social

diseases from contaminating the masses of the people who are law abiding and who are really practising democracy in the true meaning of the word. But once during their period of isolation, they have recovered from this disease, we are happy to let them free and take their place in this free country, even as Honourable Members of this House. So we are indeed happy to have the Member for Bandar Melaka and the Honourable Mr V. David with us because we think that the period of isolation had been good to them, had been good to the country and now I hope from their experience they will play a very democratic part in our democratic country, but should the disease visit them, I have no hesitation of isolating them again (*Ketawa*) and it applies to all the other Members of this House and the public at large and even that includes myself—should I be contacted by the disease I hope the Prime Minister will put me inside for the sake of the country. (*Ketawa*)

Sir, if, for example, there are really tortures being done in the Detention Camps surely the victims will be made known because the Press is free to report and these people have to have certificates from doctors before they can be buried. So, Sir, I can go on and on defending the Government's case as to why it is necessary for us to have this Internal Security Act, but I will not bore this House by prolonging the issue. But I have made a statement, I hope, once and for all to make it clear for the Honourable Members in the Opposition that we are the Government and we intend to govern this country to safeguard the security of this country with and without your co-operation. If we have your co-operation, we are very happy about it, but we can govern even without your co-operation should you choose not to play the game.

Finally, Sir, it is also reprehensible that Members should take every opportunity to debate on a subject which has nothing to do with the subject before the House, like, for example, at this moment now we are considering approving the expenditure which has been spent, and it is common practice that you should not bring any general principle on a debate on this matter. So also, Sir, for that matter, during Question Time, it is the practice of the Mother of Parliaments, the Houses of Parliament in London, that no more than three Supplementary questions are allowed during Question Time and I commend that, Sir, to you, as Chairman of the

Standing Rules and Orders Committee that we should see that this matter is put right. Thank you.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri terpaksa hendak berchakap sedikit berkenaan kekotoran kerana Yang Berhormat dari Batu sa-malam bawa perkara pollution dan dalam surat khabar Inggeris pada pagi ini besar kepala berita-nya, macham Kerajaan tidak ambil berat. Jadi, terpaksa saya sa-bagai Menteri Kesihatan mesti-lah menerangkan kepada Rumah Yang Berhormat ini atas apa yang telah di-ambil action² atau pun Jawatan²-kuasa yang telah di-bentok, tetapi saya minta izin kerana Yang Berhormat itu tidak ada di-sini dan surat khabar yang merepotkan dalam Bahasa Inggeris, benarkan saya berchapak dalam Bahasa Inggeris, Tuan Yang di-Pertua.

(*Dengan izin*): Mr Speaker, Sir, I would like to touch upon the question of pollution which the Honourable Member for Batu has raised in Parliament yesterday. It is possible that the strong remarks made by him on the subject of pollution and the publicity given to the speech in *The Straits Times* today may give the impression to the House and the people of this country that the Government had not taken action as it should in order to deal with the problem of pollution in this country. In view of this, I would like to state that this is a problem, indeed a complex problem, involving more than one Ministry of the Government.

As far as my Ministry of Health is concerned, I would like to ensure the Honourable House that all possible action has been taken by the Ministry of Health in order to deal with the subject of pollution. I also had sent a Senior Officer to Osaka, Japan last November to attend a month-long course in Environmental Pollution Control. The National Operations Council as early as August, 1970, had set up a Committee to make recommendations in respect of environmental pollution problems affecting this country and few of my officers have played a substantial role in this Committee. Recommendations have been made by them to the Government and the report of the Committee has already been accepted by Government for implementation, wherever possible. As a matter of fact, before this Committee came into existence, a Committee on Water Pollution was set up in the Ministry of Health to draw up reports

and to put up recommendations and a model law has been drafted for the States so that they can amend the existing Water Laws in various States to curb the pollution of water in their respective rivers. And I am sure that some of you here must have read in the papers that several States have already implemented it. I have already instructed that a Committee be set up to deal with smoke emitted from motor vehicles and while Parliament was in Session last time you would remember the action taken by the Road and Police Departments to deal with smoky vehicles and it is very gratifying to note that today, as you can see in the city of Kuala Lumpur, not many vehicles are emitting smoke and necessary action is also being taken by Police in other parts of Malaysia. We are grateful to those Departments who have implemented the action for the good health of the people of Malaysia.

I have already made a statement publicly that a Sub-Committee was set up to study and make recommendations in respect of noise pollution—and this is where the Honourable Member for Batu was grousing about the sawmills making so much noise and the dust flying all over the area in Kepong—and recommendations have already been made and they are being studied by the authorities concerned.

As regards the subject of pollution, the Honourable Member for Batu had brought before this House the problems connected with sawdust at Kepong—in fact I remember, Mr Speaker, he brought a tile. I asked him to keep that tile away as it is a lethal weapon which cannot be brought into this House. I know the problem in Kepong and as we have already set up now an interim Committee.....

Tuan Yang di-Pertua: I don't remember a tile having been brought here.

Tan Sri Haji Sardon: I think I did mention—I still remember. I have set up an interim Committee on pollution in the Ministry and a Sub-Committee especially to go into the subject of air pollution from factories and they have taken action and I think laws are going to be put up, but I would further like to add that this matter of putting up the legislation has also been referred to the Licensing and Enforcement Authorities.

The technical aspects concerning incineration for the reduction of the pollution due to sawdust and ash are under active study. In May this year I was in Geneva attending the

World Health Assembly where I made a special appeal for international assistance from the World Health Organisation in order to provide us with experts required to deal with the problems of pollution in our country. A few months before the World Health Assembly, I also made repeated requests to the World Health Organisation for technical assistance in the field of pollution in this country. I am very glad to say that the World Health Organisation has decided to send three experts in the field of pollution in order to make a survey of pollution problems in this country. I hope not only the Honourable Member for Batu but all the Honourable Members and the people concerned over this pollution will be able to put up their Memorandum when they come to Malaysia to discuss this problem. They are expected to arrive in Malaysia in the second week of August this year. I would also like to add that we have received the co-operation of the specialists and experts in this field from the University of Malaya and also from the Government and non-Government Departments during the course of meetings held in the Ministry of Health in order to assist us on problems relating to pollution. While we are meeting here, Sir, this Committee is looking into all the possible legislation to recommend to this House. I hope that when the Bill is ready all those who call themselves champions of the pollution problem will strongly support it and not oppose that Bill.

The recent upsurge of public concern and the statements being made while this Parliament is in session on the subject of environmental pollution are a recognition that something should be done if we are not to face the prospect of ecological disaster in this country. I am optimistic that this ecological disaster can be avoided. I am glad that recognition of future disaster of serious environmental pollution in this country has come very early for action. Environmental pollution is a highly complex problem and there are too many gaps in our environmental knowledge, but a great deal of what needs to be done can be identified as man goes along. The Government already started the ball rolling on problems connected with pollution and much more can be done in future if the people at all levels including the industries get together in order to give more thought to the problems of pollution. The problems of pollution in this country are not the monopoly of the Government. It is a

problem that requires the co-operation and consultation of the different strata of the population. This is not only the time for Honourable Members of Parliament only to criticise their own Government but they should put up suggestions and get together to see as to how best we can solve this problem instead. This is the time to tell the Government of ways and means as to how to overcome such problems of pollution. Let it be known to the people of this country that although pollution is considered to be the most prominent and admittedly pressing environmental concern, it is only a part of the many-sided environmental problem that we have in this country. May I stress again that pollution is not a straightforward problem. It is a problem of highly complex nature, but however complex it may be we will have to do something in order to create and maintain conditions in which man and nature in this country can exist in productive harmony and fulfil the social and economic and other requirements of the present and future generations of people in this country. As Minister of Health, it is my concern to ensure for all Malaysians safe, healthy, productive and culturally pleasant surroundings. The Government has already started to improve our environmental surroundings, as is shown in the control of the emission of smoke from motor vehicles and also pollution in the rivers, streams, etc.

Again legislation alone cannot do the whole job effectively. Training and research in this field will have to be developed in future. Environmental pollution has no respect for our political boundaries. It requires international co-operation of all neighbouring countries and also nations of the world. As I said before, the problems are highly complex and we will require rational systematic approaches, hard work and patience. It is the duty of the Government also to improve our environment not only to sustain life but also to enrich life harmonising the work of man and nature for the greater happiness of our people, especially the young in this country. The question of pollution is also governed by economics. The costs of introducing control measures must be balanced against the cost of damage to the human health system. More research is required in this field.

Air pollution is not a recently discovered phenomenon. It has been a problem since the dawn industrial revolution where people in

many countries have gone through a period of smoke pollution that would be held intolerable today. During the last half of the 19th century groups of people protested that smoke in the air was abundant but their protests were not effective.

In the United States and other countries like Japan and England and many countries in Europe and other parts of the world there are also problems of pollution that are worse than ours. Most of the major cities of the world today are still affected by smoke as well as by other forms of air pollution. Air quality criteria and control technology have to be developed in future. Today efforts are being made to study the different pollutions to determine their potential effects on health in different parts of the world. It is hoped that some of these observations will be of benefit to Malaysia. I do not agree with the Honourable Member for Batu that we should do away with industries however serious the problem of pollution may be. I am confident that our advanced technology can overcome such problem.

Finally, I would like to appeal to all Members of this Honourable House to draw the attention of my Ministry to the problem of pollution that they are aware of so as to enable the Government to do whatever they can in this direction. To those champions of environmental pollution in this country and who are thinking that the general problems of pollution can be easily solved in this country, I would like to quote what an eminent scientist said on this subject of pollution. Now I quote, "We cannot expect rapid or comprehensive solutions to our environmental problems because we know very little about its composition and the inter-relationships of the materials that surround us or about their effects on the human mind and body".

Mr Speaker, Sir, in spite of this limitation of human capacity to deal with environmental pollution in our country, my Ministry and all the staff is nonetheless taking every possible action in solving this problem and I feel Honourable Members should give full co-operation so that we can do the best for the people of this country. Thank you.

Menteri Kebajikan 'Am (Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang di-pohon berjumlah sebanyak \$40,826 itu ada-lah jumlah pemberian untuk Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat, Sabah. Jadi apa yang di-perkaitkan dan di-

bangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Selangor ada-lah tidak kena-mengena. Sahabat saya itu terlalu sebok dengan urusan perniagaan-nya, maka tidak ada kesempatan bagi-nya untuk membaca kenyataan berhubung dengan peruntokan wang yang dipohon itu yang telah di-beri kenyataan di-Dewan ini melalui Kertas Perintah No. 31, 32 tahun 1971.

Tuan Yang di-Pertua, walau macham mana pun di-sini suka saya mengambil kesempatan menerangkan sa-chara sa-pintas lalu berhubung dengan chara Perkhidmatan Kementerian Kebajikan 'Am dan atas apa yang di-bangkitkan oleh Yang Berhormat itu. Khidmat Kementerian Kebajikan 'Am adalah luas, tidak sa-takat memberi bantuan wang kepada orang² tua atau yang memerlukan, bahkan projek² yang di-adakan ada-lah bertujuan menjaga, menolong, mendidik, memimpin, melateh, memberi perlindungan dan memuleh anggota² masyarakat yang kurang bernasib baik ini oleh sebab mereka itu miskin papa, chachat anggota, anak yatim miskin, rosak akhlak dan pertolongan dan kemudahan di-beri kepada mereka bukan sahaja sa-takat di-beri bantuan bahkan bertujuan memulehkan anggota² masyarakat yang kurang nasib baik itu kepada boleh berdiri di-atas kaki sendiri dan kepada matalamat meninggikan taraf hidup mereka, ini telah dan sedang di-usahakan. Dengan itu saya berharap sahabat saya jangan-lah menanam semangat kepada mereka itu suka meminta dan menunggu, mendatang atau menunggu bantuan. Baik apa yang saya harap mari-lah kita tanamkan semangat kesedaran dan tanggung-jawab ia-itu sukakan kepada perubahan hidup dan sanggup berdiri di-atas kaki sendiri.

Berhubung bantuan 'am bulanan kepada orang² yang menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat ada-lah tetap di-bayar tiap² bulan dan bukan-nya dua atau tiga bulan sa-kali seperti yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor. Biasa-nya bantuan² yang di-beri ada-lah di-bayar di-kampung² di-satu tempat, melainkan bagi mereka yang tinggal dalam pekan Kuala Selangor yang mana mereka ada-lah di-kehendaki datang ka-Pejabat Kebajikan Masyarakat, di-Kuala Selangor untuk menerima bantuan mereka.

Apa yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang tersebut itu boleh jadi berkaitan dengan bantuan bulanan yang di-

keluarkan oleh Majlis Pusat Kebajikan Daerah, Kuala Selangor. Majlis ini ia-lah sebuah badan sukarela dan mendapat peruntokan-nya tiga bulan sa-kali daripada Ibu Pejabat Majlis Pusat Kebajikan, Tanah Melayu. Kadang kala Majlis itu menerima peruntokan-nya lewat daripada biasa dan oleh itu terpaksa-lah mereka melewatkan bantuan bulanan-nya yang di-beri kepada penerima² di-Daerah Kuala Selangor.

Jadi ini saya harap Ahli Yang Berhormat itu faham, ada juga badan sukarela seperti ini membuat perkhidmatan seperti itu. Bantuan bulanan yang di-berikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat ada-lah berdasarkan keperluan keluarga dan bertujuan untuk memulehkan kembali sa-suatu keluarga itu kepada keadaan sedia kala bagaimana saya sebutkan tadi. Bantuan bulanan yang di-berikan tidak-lah boleh di-anggap sa-bagai penchen sa-umur hidup. Oleh yang demikian bantuan 'am ini di-beri sa-takat 3 bulan, 6 bulan atau sa-lebeh²-nya sa-tahun. Dan sa-lepas itu perlu-lah tiap² kes di-kaji semula sama ada sa-suatu keluarga itu maseh memerlukan kepada bantuan atau tidak. Jika di-dapati sa-suatu keluarga itu maseh perlukan kepada bantuan, maka bantuan itu akan di-sambong lagi sa-lama beberapa ketika. Lagi pun bantuan 'am ini ada-lah bergantung kepada peruntokan daripada Kerajaan Negeri seperti Kerajaan Negeri Selangor, daripada sa-tahun ka-satahun. Dan oleh yang demikian, tidak-lah dapat Jabatan Kebajikan Masyarakat mengeluarkan bantuan lebeh daripada sa-tahun dan bantuan salanjut-nya ada-lah juga bergantung kepada peruntokan yang di-terima daripada Kerajaan² Negeri.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato' Onn): Tuan Yang di-Pertua, permohonan Kementerian saya berkenaan dengan Perbelanjaan Tambahan ia-lah berkenaan dengan tiga perkara. Perkara yang pertama ia-lah tambahan sa-banyak \$35,000 berkenaan dengan Suruhannya Gaji Guru² dan permohonan² yang kedua berjumlah \$9.5 juta ia-lah berkenaan dengan pemberian kepada sekolah² rendah dan permohonan ketiga ia-lah charum kepada Institute Pelajaran Tinggi dan Pembangunan bagi Asia Tenggara di Singapura. Sebab² permohonan ini di-kemukakan ada-lah terkan-dong di-dalam Kertas Perintah 32 tahun 1971. Jadi tidak payah saya menerangkan sebab² permohonan itu. Chuma saya hendak memberi penerangan sedikit sa-banyak-nya atas

pandangan² yang telah di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat bila masa kita membahathkan Rang Undang² ini.

Yang pertama-nya, berkenaan dengan kenyataan yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat dari Dato' Kramat yang mengatakan beratus² ribu kanak² tidak dapat pergi ka-sekolah rendah di-sebabkan kekurangan kemudahan² di-tempat² di-mana mereka itu diam, seperti buku² teks dan transportation atau kenaikan. Di-sini saya ta' tahu bagaimana Ahli Yang Berhormat itu mendapat angka beratus² ribu kanak² yang ta' dapat pergi ka-sekolah rendah dalam negara kita ini di-sebabkan kekurangan kemudahan² itu. Saya tidak pula menafikan perkara ini, barangkali harus ada juga kanak² yang ta' dapat pergi ka-sekolah, tetapi bilangan-nya pada fikiran saya ada-lah sedikit sahaja dan ada-lah di-sebabkan macham² kesulitan yang bukan sahaja berapa kesulitan tentang transport atau buku² teks.

Bagaimana yang Ahli² Yang Berhormat mengetahui bilangan penuntut² ia-itu ka-sekolah rendah yang patut ada bersekolah ia-lah lebih daripada 90%. Ini ada-lah berdasarkan kepada angka² yang ada di-Kementerian saya, ia-itu kalau ada pun ada-lah lebih kurang 10% bilangan kanak² yang patut ada di-sekolah rendah yang tidak pergi sekolah. Jadi, jumlah hingga beratus² ribu bagaimana yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dato' Kramat itu tidak-lah benar.

Memandangkan kepada keadaan anak² di-luar bandar pada masa ini tentu-lah ada di-tempat² yang kemudahan² kenaikan tidak berapa bagus bagaimana yang terdapat di-tempat² lain. Kementerian saya sedang berikhtiar di-mana terdapat kesusahan kenaikan akan di-adakan di-sekolah² rendah, yang dapat menampung 80-90 kanak². Ini ia-lah menunjukkan jika ada kesulitan² macham itu, Kementerian saya tidak-lah mengelakkan bagi mengadakan sekolah² di-tempat² sumpama itu.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka membangkitkan ia-itu Kementerian Pelajaran tidak menyediakan alat² dan persediaan sebelum menukar bahasa penghantar daripada bahasa Inggeris kepada Bahasa Malaysia di-Sekolah² Rendah Jenis Inggeris. Di-sini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi penjelasan yang lebih sedikit ia-itu pandangan-nya itu tidak-lah benar jika di-katakan

pertukaran bahasa penghantar dari bahasa Inggeris ka-bahasa Malaysia bagi semua mata pelajaran, kechuali bahasa Inggeris dalam Darjah I di-Sekolah² Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris. Sa-benar-nya pertukaran itu telah mula di-lakukan sejak tahun 1968 lagi. Dalam tahun itu semua mata pelajaran kechuali Ilmu Hisab, Sains, Bahasa Inggeris dan bahasa murid sendiri telah di-ajar dalam bahasa Malaysia dari Darjah I hingga Darjah III. Apa yang di-laksanakan dalam tahun 1970, hanya merupakan lanjutan kepada pertukaran yang telah di-buat dalam tahun 1968 dahulu itu, ia-itu dengan mengajar Ilmu Hisab dan Sains dalam bahasa Malaysia mula² dari Darjah I. Sa-belum pertukaran itu di-perbuat di-dalam tahun 1968, Kementerian saya telah menentukan terlebih dahulu tentang kebolehan guru² mengajar dalam bahasa Malaysia dalam mata² pelajaran yang terlibat ia-itu latehan jasmani, seni lukis dan pertukangan tangan, musik dan pelajaran tempatan dan juga tentang chukup bilangan guru²-nya itu. Demikian-lah juga hal-nya apabila ilmu hisab dan sains mula di-ajarkan dalam bahasa Malaysia dalam Darjah I pada tahun 1970.

Tuan Yang di-Pertua, ada-lah tidak benar juga jika di-katakan kursus² di-dalam perkhidmatan yang di-jalankan di-Maktab² Perguruan sekarang ini tidak menchukupi. Saya berpuas hati bahawa kursus tiga bulan yang di-jalankan di-Maktab Perguruan Kota Bharu untuk guru² Sekolah Rendah Inggeris yang terlateh ada-lah menasabah dan lengkap.

Tuan Yang di-Pertua, peserta² kursus itu telah mengikuti kursus bahasa Malaysia pada masa mereka menerima latehan guru di-Maktab² Perguruan dahulu. Mereka juga telah lulus mata pelajaran bahasa kebangsaan di-perengkat Tingkatan V. Oleh hal yang demikian kursus tiga bulan itu merupakan satu kursus mengulang kaji dan juga penambahan lagi mereka yang sudah pun mempunyai asas dalam bahasa Malaysia.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, langkah² untuk menambahkan kecekapan guru² mengajar dalam bahasa Malaysia yang di-jalankan sekarang ini, bukan-nya terhad kepada guru² Sekolah Rendah sahaja, sa-benar-nya mula² dari tahun ini langkah² telah juga di-ambil untuk mengadakan kursus² ulang kaji di-Maktab Perguruan Bahasa bagi guru² Sekolah Menengah Inggeris. Dengan ini, Tuan

Yang di-Pertua, ada-lah jelas bahawa Kementerian saya telah membuat persediaan yang cukup bukan sahaja untuk memenuhi keperluan sekarang bahkan juga untuk memenuhi keperluan² masa hadapan.

Demikian-lah, Tuan Yang di-Pertua, pandangan saya atas tegoran² yang di-datangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka itu.

Ahli Yang Berhormat dari Batu mengemukakan masalah pendirian kerani² sekolah. Kerani² ini bagaimana yang di-ketahui telah pun di-tawarkan supaya menjadi kaki-tangan Kerajaan dengan gaji, tangga gaji kerani² Kerajaan ia-itu Tangga Gaji Suffian. Saya mengetahui ada kesulitan² dan kebimbangan² yang di-hadapi oleh kerani² sekolah ini dan saya akan memberi pandangan yang berat atas masalah ini sa-belum masalah itu di-putuskan. Ini-lah sahaja yang saya dapat beri sabagai penerangan berkenaan dengan kerani² sekolah dan bagaimana yang saya kata tadi saya akan memberi perhatian yang berat terhadap kedudukan kerani² sekolah yang di-minta menjadi kerani² Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun mengatakan pelajaran musik di-sekolah² tidak-lah mustahak. Ini saya hendak menerangkan ia-itu pelajaran musik itu tidak-lah di-buat compulsory, tidak-lah di-wajibkan, itu terpulang-lah kepada budak² jika hendak mengambil-nya, juga terpulang kepada Guru² Besar-nya bagaimana dalam curriculum kita.

Berkenaan dengan ajaran akhlak dan ugama, kerana akhlak ini ada-lah termasuk dalam pelajaran civic, dan susunan civic ini akan di-betulkan daripada satu masa ka-satu masa. Pada masa ini bagaimana yang di-ketahui oleh Ahli² Yang Berhormat sakalian kita akan masukkan pelajaran Rukun Negara di-dalam pelajaran civic kita di-sekolah². Berkenaan dengan ajaran ugama, bagaimana Ahli² Yang Berhormat ketahui, ia-itu murid² kita yang berugama Islam ada-lah di-wajibkan belajar ugama di-sekolah². Berkenaan dengan murid² yang berugama yang lain daripada ugama Islam itu tidak-lah di-wajibkan.

Ahli Yang Berhormat dari Kubang Pasu Barat membangkitkan berkenaan dengan pertukaran guru² dengan sebab² politik. Ini tidak-lah benar sebab Ahli Yang Berhormat sendiri mengetahui guru² yang meminta tukar itu ada-lah dengan bermacam² sebab, bukan sahaja sama ada dia chenderong kepada satu² parti siasah atau pun lain²-nya.

Pertukaran² yang di-minta oleh guru² ini bagaimana Ahli Yang Berhormat tahu ada-lah boleh di-katakan beratus² tiap² tahun yang di-terima oleh Kementerian saya, dan ini di-timbangkan mengikut merit permohonan² tiap² guru itu, tetapi kalau di-katakan pertukaran² ini hanya di-sebabkan dengan perkara² politik, ini tidak-lah saya dapat menerima-nya.

Ahli Yang Berhormat dari Parit membangkitkan masalah murid² sekolah² yang ibu bapanya bukan warganegara di-sini, dan dia memberi angka 30%, saya sendiri pun ta' tahu macham mana dia dapat angka 30% ini. Saya sendiri mengaku-lah Kementerian saya tidak ada membuat penyiasatan berkenaan dengan murid² di-sekolah di-negara kita ini, sama ada bilangan-nya itu berapa bilangan-nya daripada ibu bapa-nya yang terdiri daripada orang² yang bukan warganegara kita dan ini ia-lah satu masalah yang kita hendak timbangkan dengan dalam-nya dan kita tidak-lah hendak berbuat bagaimana negara lain buat terhadap murid² yang bukan warganegara negeri ia-itu di-kenakan yuran bulanan yang lebih daripada anak² warganegara kita. Ini hendak-lah kita memandang dengan dalam sedikit dan jika banyak bilangan-nya murid² bukan warga negara ini seperti yang di-katakan 30% yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, dan harus Kementerian saya akan menyiasat perkara ini. Tetapi dalam fahaman saya bilangan-nya tidak-lah sa-bagitu banyak, rasa saya sa-takat ini Kerajaan tidak-lah berhajat membuat apa² langkah hendak membezakan berkenaan dengan yuran bulanan di-antara anak² warganegara dan anak² yang bukan warganegara.

Demikian-lah, Tuan Yang di-Pertua, penjelasan saya dan pandangan saya berkenaan dengan perkara² yang telah di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat sa-masa kita membahathkan Rang Undang² ini.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menyentuh kepada beberapa perkara yang telah di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat apabila membahathkan Rang Undang² ini terutama-nya Ahli Yang Berhormat dari Kubang Pasu Barat dan juga bersama² dengan Ahli Yang Berhormat dari Bangsar ada menyatakan bahawa tidak kena pada tempat-nya bagi Kerajaan menggunakan

Badan² Belia atau pun Persatuan² Belia untuk tujuan politik. Ini rasa saya ada-lah tuduhan yang tidak kena pada tempat-nya yang tidak berasas. Sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat ini ma'alum Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak bertanggung-jawab di-atas penubohan satu² persatuan khas-nya Persatuan Belia². Tiap² orang itu berhak di-bawah Undang² mengadakan persatuan dan untuk menjadikan pertubohan itu atau pun persatuan itu halal di-sisi Undang² maka mereka yang mahu menubuhkan persatuan itu berkehendakkan mendaftarkan persatuan itu dengan Pegawai Pendaftar Pertubohan.

Jadi, dengan ini sa-bagaimana yang saya kata, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak langsung terlibat pertama-nya perkara pertubohan satu² kesatuan, dan kedua-nya di-atas chara² dalam mana persatuan atau pun pertubohan ini menjalankan kerja² khas-nya memilih pegawai² atau pun ahli² di-dalam persatuan ini.

Jadi, tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Bangsar mengatakan kebanyakan chalon yang telah bertanding menjadi pegawai pada Pertubohan MAYC ada-lah daripada orang² Parti UMNO ada-lah pertama-nya tidak tepat, tidak factual dan sa-takat yang saya tahu ada chuma satu dua orang sahaja yang terdiri daripada Parti UMNO yang bertanding sa-bagai ahli. Kedua-nya, ada-lah terpu'ang kepada siapa² pun daripada mana² parti politik berhak bertanding menjadi pegawai kepada mana² pertubohan atau pun persatuan di-dalam pergerakan² atau pun pertubohan² belia. Tiap² Perlembagaan Pertubohan², persatuan² belia memang ada terkandung peruntukan dalam mana pertubohan² tersebut tidak boleh terlibat di-dalam perkara² politik. Tetapi, jikalau sa-kira-nya sa-saorang yang ada berpendirian politik, sama ada UMNO atau pun Gerakan atau pun PAS mahu memasokki satu persatuan belia, maka mereka itu ada-lah memasokki bukan atas pendirian mereka sa-bagai sa-orang ahli parti siasah, tetapi sa-mata² sabagai sa-orang ahli belia sahaja. Perkara yang dia menjadi sa-orang ahli parti politik itu ada-lah perkara coincidence sahaja dan tidak berbangkit perkara dalam mana ia memasokki satu² pergerakan itu atas pendirian-nya sabagai sa-orang ahli parti politik.

Jadi kalau sa-kira-nya Ahli dari Bangsar berpendapat patut banyak lagi ahli², pemuda

belia daripada pergerakan parti siasah-nya patut memasokki pergerakan² belia, maka terpu'ang-lah kepada ahli² parti² yang lain itu bekerja kuat memujuk supaya belia² mereka, lebeh² berkechimpanong di-dalam pergerakan² belia.

Tentang tegoran Ahli Yang Berhormat dari Kubang Pasu Barat berkenaan dengan kurang-nya bilangan belia² bukan daripada Melayu yang menjadi ahli² Persatuan Pergerakan Belia, ini saya suka juga-lah menjelaskan bahawa Kementerian saya tidak ada bertanggung-jawab atas perkara ini. Sa-bagaimana saya jelaskan tadi, keahlian sa-saorang itu dalam badan² pergerakan belia ada-lah sa-mata² perkara bersendirian yang saya tidak terlibat, yang Kerajaan tidak terlibat dalam-nya. Dan saya suka-lah menyatakan di-sini segala daya usaha telah dijalankan untuk memujuk, meminta lebeh ramai lagi bilangan belia² yang bukan Melayu memasokki pergerakan² belia. Tetapi malang-nya layanan-nya atau response-nya itu ada-lah tidak langsung menggalakkan kerana mengikut statistik yang ada di-dalam Kementerian saya, bilangan belia² daripada kaum lain, daripada kaum Melayu yang berkechimpanong dalam pergerakan belia ada-lah tidak lebeh daripada 10% sahaja. Ini ada-lah sangat kurang tetapi sa-bagaimana kesalahan²-nya tidak pada Kerajaan, tidak pada Kementerian, tidak pada siapa², tetapi kepada kaum² itu sendiri.

Tentang sebab-nya yang orang atau pun kaum yang lain daripada Melayu yang tidak mahu memasokki gerakan belia ada-lah mengikut penyiasatan yang telah saya buatkan, sebab yang utama-nya ia-lah mengikut keterangan yang ada pada saya, kebanyakan ke'lab², persatuan² perkauman di-kalangan kaum atau kaum yang berasal daripada China ada mempunyai pergerakan² belia²-nya sendiri yang diberi segala² kemudahan dari segi kewangan, kemudahan daripada berbagai² facilities permainan dan lain²-nya yang Kementerian saya sendiri ta' dapat memberi-nya. Jadi bagi belia² ini ta' perlu dia masuk persatuan² belia yang mendapat serba sedikit pertolongan daripada Kementerian saya, daripada Kerajaan kalau sa-kira-nya dia boleh mendapat lebeh² banyak kemudahan kesempatan daripada persatuan² atau pun pertubohan² kaum-nya sendiri. Ini ada-lah pada pendapat saya sebab-nya yang belia² daripada bangsa lain itu tidak sangat mahu menchampioni pergerakan² belia yang ada dalam negara kita

ini. Ini saya bersetuju-lah dengan pendapat Ahli Yang Berhormat, ini ada-lah satu perkara yang tidak sehat kerana sa-bagai-mana Yang Berhormat itu menyatakan kalau sa-kira-nya orang di-peringkat umur 15 sampai ka-25 itu tidak di-galakkan, tidak mengambil peluang berchampur gaul di-dalam satu² pergerakan, mengadakan sama² aktiviti, berbagai² aktiviti mengadakan tukar-menukar fikiran di-antara satu dengan lain, rasa saya kalau mereka meningkat kepada umur dewasa sa-lepas daripada 30 tahun, saya berpendapat payah-lah bagi kita hendak meujudkan perasaan saling mengerti, perasaan muhibbah, perasaan di-antara satu dengan lain di-kalangan kaum² yang ada dalam negara kita ini.

Jadi, saya menyeru-lah kepada pehak² yang membawa perkara ini membangkitkan perkara ini untuk bekerjasama, juga menolong supaya dapat menyuruh, menggalakkan lebeh ramai lagi belia² yang bukan daripada satu kaum yang datang mencham-pori melibatkan diri mereka dalam pergerakan² belia.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor membangkitkan perkara latehan kemahiran yang kata beliau ada-lah tidak menchukopi bagi belia² ini boleh menjalankan pekerjaan bersendirian. Saya suka-lah menyatakan di-sini bahawa kelulusan atas kajian penyiasatan sedang di-jalankan oleh Kerajaan bukan sahaja terhadap Pusat² Latehan di-Dusun Tua, tetapi juga pusat² latehan yang di-uruskan oleh Kementerian² yang lain supaya dapat kelulusan yang di-perolehi di-pusat² latehan ini di-bidang latehan vokeshenel patut di-beri pengiktirafan atau akuan dari badan² swasta dan lain²-nya. Dan saya perchaya dengan ada-nya ranchangan mengadakan satu Trade Certification Board masaalah ini akan di-atasi, kelulusan² daripada Pusat² atau Sekolah² Latehan Kemahiran pada masa hadapan ini barangkali akan mendapat pengiktirafan atau pun pengakuan daripada badan² yang tertentu.

Tentang latehan di-Dusun Tua itu, saya suka-lah menyatakan bahawa latehan selama 18 bulan di-peringkat Pusat Latehan Pelupor dalam mana pula ada juga latehan² jurusan yang lain, maka tidak-lah dapat kita memberi segala kemahiran yang penoh, yang memenohi bagi belia² itu boleh menjalankan pekerjaan² yang susah yang berkehendakkan kemahiran di-kilang² dan lain²-nya.

Tujuan kita mengadakan Pusat Latehan Pelupor itu ia-lah sa-mata² untuk memberi latehan asas, basic training kepada belia² ini supaya sa-lepas dia tamat latehan itu, dia boleh memperluaskan lagi, memperbesarkan lagi kemahiran-nya di-lapangan ini di-Sekolah Latehan Kemahiran lain sa-bagai di-ITI, atau pun di-pusat² Latehan yang di-anjorkan oleh badan² lain macham MARA atau pun mereka boleh memperluaskan lagi, membesarkan lagi pengalaman-nya, kemahiran-nya di-bidang² latehan kemahiran ini, kalau sa-kira-nya mereka bekerja di-satu² kilang.

Jadi tujuan kita melatehkan itu ia-lah sa-mata² untuk memberi dia latehan kemahiran asas, basic training scheme untuk membolehkan dia membuat kerja² yang tidak berkehendakkan sangat latehan kemahiran yang tinggi taraf atau pun mutu-nya.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun menyentoh berkenaan dengan perlu-nya kita mengadakan, meujudkan keperibadian kebangsaan kita menerusi kebudayaan dengan mengadakan ketetapan, ketentuan tentang chara² kebudayaan yang boleh kita anggap sa-bagai kebudayaan kita di-sini. Ini saya suka-lah menyatakan bahawa langkah sedang di-ambil oleh Kerajaan, oleh Kementerian saya, supaya mengadakan satu ketetapan di-atas mutu chorak kebudayaan dalam negara ini yang kita boleh anggapkan sa-bagai kebudayaan national, kebudayaan kebangsaan. Sa-bagai Ahli Yang Berhormat ma'alum, pada bulan Ogos ini kita akan mengadakan Kongres Kebudayaan secara besar-besaran di-mana segala pakar² kebudayaan, pakar² berbagai² bidang seni telah di-jemput mengangkat kertas², membincangkan dengan mendalam-nya masaalah², perkara² berkenaan dengan kebudayaan, kesenian² bersamaan dengan kongres ini kita juga akan mengadakan pameran dan pementasan barang² ukiran dan lain²-nya, dari segi kebudayaan dan kesenian dan kita harap dengan di-adakan Kongres ini, dengan usul² yang di-terima, di-buat oleh Kongres ini, kita akan membuat ketetapan di-atas rupa bentuk kebudayaan yang betul² kita boleh anggap sa-bagai kebudayaan kita sendiri.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, semalam Ahli Yang Berhormat dari Kubang Pasu Barat telah merayu pada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar

Bandar supaya membena jalan untuk kemudahan anak² sekolah di-kawasan-nya.

Kerajaan Perikatan memang sedar bahawa jalan raya ada-lah sangat mustahak dalam perkembangan ekonomi negara, maka dengan sebab itu daripada mula² lagi Ranchangan Pembangunan Luar Bandar di-jalankan maka beratus juta wang telah pun di-belanjakan dan dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini pun beratus² juta ringgit lagi wang akan di-belanjakan untuk membena jalan² raya, tetapi Kerajaan mengutamakan jalan raya yang mendatangkan ekonomi, memberi faedah yang lebih besar kepada negara terlebih dahulu. Mithal-nya jalan raya yang menyambungkan antara Pantai Barat dengan Pantai Timor, jalan raya daripada Segamat ka-Kuantan, jalan raya daripada Karak ka-Kuala Lumpur, jalan raya di-Muda Scheme, di-Kemubu Scheme dan jalan² raya yang menuju kepada ranchangan² tanah, pelabohan² dan sa-bagai-nya, dan walau bagaimana pun Kerajaan sedar kehendak² orang² kampung ia-itu jalan raya yang memberi kemudahan kepada mereka walau pun tidak mendatangkan faedah ekonomik yang besar sangat, maka \$30 juta di-untukkan dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini.

Wang yang sa-banyak \$30 juta itu di-serahkan kepada semua Kerajaan² Negeri, termasuk Kerajaan PAS Kelantan untuk di-belanjakan dan terpulang-lah kepada Kerajaan Negeri itu sendiri menentukan mana-kah jalan raya yang di-fikirkan mustahak di-dahulukan. Dengan sebab itu saya meminta Ahli Yang Berhormat itu walau pun beliau terdiri daripada Ahli Parti Pembangkang jangan-lah malu berjumpa dengan Menteri Besar Kedah untuk berunding meminta sedikit wang bagi membetulkan jalan² raya dalam kawasan-nya.

Apa yang saya suka hendak tegaskan di-sini ia-lah perasaan suka hati saya melihatkan perubahan sikap daripada Parti PAS yang dahulu-nya menentang dan mengejek² Ranchangan Luar Bandar mengatakan jalan itu tidak berguna kerana tidak boleh di-makan, tetapi pada hari ini saya berasa suka hati yang beliau sendiri meminta di-adakan jalan raya dalam kawasan-nya yang menunjukkan beliau telah sedar bahawa Ranchangan Luar Bandar itu berguna kepada ra'ayat negeri ini termasuk pengundi² beliau dalam kawasan-nya sendiri. Saya berharap

perubahan sikap Parti PAS ini ada-lah Wakil Ra'ayat dari Kubang Pasu Barat ini sa-benar²-nya perubahan sikap daripada parti itu sendiri dan boleh-lah Perikatan dengan PAS bekerjasama untuk memajukan penduduk² luar bandar pada masa yang akan datang.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

JAWATAN-KUASA PERBEKALAN

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatan-kuasa*)

JADUAL

Kepala B. 5—

Masaalah di-kemukakan bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$94,971 untuk Kepala B. 5 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala B. 8—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$147,872 untuk Kepala B. 8 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala B. 10—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$57,810 untuk Kepala B. 10 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala B. 13—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-jumlah \$74,000 untuk Kepala B. 13 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala B. 16—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-jumlah \$35,000 untuk Kepala B. 16 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala B. 17—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-jumlah \$9,514,252 untok Kepala B. 17 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala B. 19—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-jumlah \$177,310 untok Kepala B. 19 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala B. 20—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-jumlah \$42,799 untok Kepala B. 20 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala B. 21—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-jumlah \$3,904,639 untok Kepala B. 21 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala B. 33—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-jumlah \$628,151 untok Kepala B. 33 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala B. 38—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-jumlah \$69,110 untok Kepala B. 38 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala B. 47—

Masaalah di-kemukakan bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-jumlah \$40,686 untok Kepala B. 47 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala B. 49—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-jumlah \$9,700 untok Kepala B. 49 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala B. 51—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-jumlah \$104,512 untok Kepala B. 51 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala B. 54—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-jumlah \$13,800 untok Kepala B. 54 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala B. 55—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-jumlah \$168,560 untok Kepala B. 55 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala B. 67—

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Pengerusi, saya hendak chakap sedikit atas B. 67 ini. Walau pun peruntokan-nya telah ditentukan dalam Kepala yang khas, chuma saya hendak mendatangkan satu soal dalam Kementerian ini, ra'ayat sudah tahu bahawa Kementerian ini telah menerima bantuan banjir daripada Palang Merah Bangsa² Bersatu yang telah di-beri oleh Kerajaan Komunis China, sampai sekarang bantuan itu sudah sampai-kah atau sudah di-sampaikan kepada mangsa² banjir. Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Tuan Pengerusi, berhubung dengan perkara itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun menjawab dalam Meshuarat Parlimen yang lepas. Bukan Kementerian yang terima, tetapi Palang Merah yang menerima-nya.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Pengerusi, Kementerian Kebajikan 'Am ini sudah terima atau belum bantuan itu?

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tidak terima, Persatuan Palang Merah yang Menerima-nya.

Tuan Pengerusi: Kementerian tidak terima, Palang Merah yang terima.

Tuan Haji Ahmad Arshad: Terima kaseh, Tuan Pengerusi. Ada-kah Palang Merah yang menerima bantuan itu telah di-sampaikan kepada mangsa² banjir?

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Betul. Masalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-jumlah \$40,826 untok Kepala B. 67 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Fasal 1 dan 2 di-perintah menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² HOSPITAL PERSENDIRIAN

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri memohon membentangkan Rang Undang² bertajok suatu Akta bagi membuat peruntukan berkenaan dengan pendaftaran dan pemeriksaan hospital², rumah² rawatan dan rumah² bersalin persendirian di-bachakan kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang² ini ia-lah untok membuat peruntukan bagi mendaftar dan pemeriksaan hospital², rumah² rawatan dan rumah² bersalin persendirian untok memastikan bahawa rawatan yang di-amalkan adalah selamat dan mempunyai mutu² yang berpatutan demi kepentingan awam.

Di-Malaysia Barat ada lebih kurang sepuluh buah hospital persendirian, 18 buah rumah rawatan dan 45 buah rumah bersalin dengan tempat tidor-nya berjumlah 1,819 buah. Tambahan lagi ada 84 buah hospital estate dan lombong² yang mempunyai tempat tidor berjumlah 984 buah. Melainkan bagi hospital² estate yang mana Kerajaan mempunyai Undang² untok mengawal, mithal-nya di-bawah Undang² Buroh Bab 154, lain² yayaan atau institution persendirian telah ditubuhkan saperti chendawan dari sa-masa kasamasa di-merata² bandar besar di-Malaysia Barat dan kebanyakan daripada-nya ditubuhkan untok tujuan mendapatkan ke-untongan.

Ada-lah di-ketahui bahawa hospital² persendirian, rumah² rawatan dan rumah² bersalin di-Malaysia Barat telah berkembang sa-bagai yayaan persendirian. Oleh yang demikian chara² mutu-nya ada-lah berbeza² mengikut keperluan dan kebolehan-nya sendiri tanpa kawalan Kerajaan. Yayasan² ini yang bertujuan sa-mata² untok membuat ke-

untongan, menyediakan rawatan perubatan yang paling kurang sa-kali dan dalam banyak kejadian yang di-ketahui mereka mempunyai kekurangan kakitangan² dan kakitangan² yang kurang terlatih. Tambahan pula alat² kelengkapan yang ada ada-lah tidak memuaskan. Di-atas sebab² ini-lah ia-nya menimbulkan kesusahan atau pun kemudaratan kapada orang awam yang pergi ka-tempat² itu.

Dalam tahun 1968, pesakit² yang di-ketahui di-masokkan ka-hospital² persendirian, rumah² rawatan dan rumah² bersalin ada-lah sa-ramai 50,157 orang dan hospital² estate dan lombong² menchatetkan pesakit² yang masok ka-hospital² itu berjumlah 61,549 orang. Akta ini memasokkan 12 sekshen² saperti berikut:

Sekshen 1 ada-lah mengenai tajok rengkas dan mula berkuat-kuasa.

Sekshen 2 bersabit dengan tafsiran.

Sekshen 3 ini ada-lah mengenai pengeluaran lesen² dan membuat peruntukan kapada Ketua Pengarah Kesihatan menjadi Wakil yang mengeluarkan lesen.

Sekshen 4 menghendaki daftar hospital² berlesen di-simpan.

Sekshen 5 membuat peruntukan bagi beberapa jenis hospital² yang berlainan jenis di-daftarkan. Sa-bagai tambahan kapada sekshen ini Menteri mungkin dengan pemberitahuan dalam *Warta* mengishtiharkan lain² jenis hospital untok di-lesenkan.

Sekshen 6 menguntokkan bagi pembatalan dan penggantungan sa-suatu lesen apabila sa-barang hospital ada-lah di-uruskan, dipelihara, di-jalankan atau di-gunakan dalam chara² yang bertentangan dengan kepentingan orang awam. Orang yang di-hukum itu boleh merayu kapada Menteri yang mempunyai kuasa untok meminda atau membatalkan perintah Ketua Pengarah Kesihatan.

Sekshen 7 membuat peruntukan bagi pemeriksaan sa-barang hospital² berlesen untok memastikan bahawa kehendak² Undang² itu telah di-patohi.

Sekshen 8 membuat peruntukan bagi rumah² yang sedia ada di-daftarkan dalam masa sa-tahun dari tarikh masa berkuat-kuasa Undang².

Sekshen 9—Dalam sekshen ini Menteri berkuasa untok mengehualikan sa-barang hospital persendirian, rumah² rawatan dan rumah² bersalin dalam Undang² tersebut.

Sekshen 10 menguntokkan hukoman² denda tidak lebeh daripada \$1,000 bagi sa-barang kesalahan.

Sekshen 11 memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peratoran² yang di-fikirkan perlu atau mustahak di-laksanakan penoh peruntokan Undang² dengan segera.

Dan Sekshen 12 membuat peruntokan bagi mengechualikan sa-barang rumah bersalin atau rumah rawatan yang di-kelola atau di-awasi oleh Kerajaan atau sa-barang premise atau rumah yang di-gunakan untuk merawat orang² sakit atau pun orang² yang hampir hendak mati, yang berlesen di-bawah sa-barang Undang² bertulis yang sedang berkuat-kuasa buat sementara ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana hospital² persendirian, rumah² rawatan dan rumah² bersalin ini mesti-lah di-awasi dan di-kawal dengan rapi demi kepentingan orang ramai dan bersandarkan hakikat ini saya memohon supaya Rang Undang² ini di-bacha kali yang kedua dan di-luluskan.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Dr S. Seevaratnam (Seremban Barat): (*Dengan izin*) Tuan Speaker, Sir, this Bill is a long awaited one and I am glad that it has been introduced, but the introduction of the Bill is one thing and the implementation of it is a different thing. Especially with the rapid increase of such type of Homes and also the large number of people who go to these Homes, I feel that the Ministry of Health will have to engage more people, more officers, to see that these laws are properly implemented. A high standard of hygiene and cleanliness must of course be maintained in these institutions and the personnel managing these homes must be fairly well trained to run these Homes. I hope with the provision of first class homes, the Government will discourage the rich from going to the hospitals and thereby increasing the problems in the hospitals. I would like the Government to pay more attention to the poor and to avoid over-crowding and, for patients to wait in the hospitals. I also would urge with the introduction of this Private Hospitals Bill that the Government itself will increase its standard of cleanliness and hygiene in the hospitals. I would also urge the Government to quicken the pace of building the new hospitals which it has promised in so many States. Thank you.

Tuan Loh Jee Mee (Batang Padang): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, while I do not disagree with the principle of ensuring that private hospitals, nursing and maternity homes should maintain good standards, what is of greater public concern is the standard of our Government hospitals. After all, only those who are well to do can afford to go to private hospitals, maternity and nursing homes. The poor who are the overwhelming majority of Malaysians cannot afford to do so. It is therefore extremely essential that our health service needs nothing to be desired for, but presently it is not so.

It is here that I would like to draw the attention of the Honourable Minister of Health that our Government hospitals throughout the country are in a deplorable state of affairs. There is extreme shortage of staff, specialists, doctors and nurses alike besides the lack of up-to-date equipment to examine or check common illnesses, for instance, the electro-cardiograph machine in district hospitals, and I would specially refer to one such district hospital and that is in my constituency in Tapah. The hospital in this town caters

Tan Sri Haji Sardon: Mr Speaker, Sir, for the information of the Honourable Member, the building was started last year. He is aware of it. It is coming up soon.

Tuan Loh Jee Mee: Your promised electro-cardiograph machine is still a long way to go.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: I was wondering whether the Honourable Member in mentioning this Government hospital is debating on the principle and the merits of this Bill before this House. This Bill covers the private hospitals as the long title says, and if the Honourable Member has comments to make on the running of Government hospitals and so on, I would suggest that he should find another occasion to do so.

Tuan Loh Jee Mee: Yes, but Mr Speaker, Sir

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: You can touch in general terms but cannot go into details.

Tuan Loh Jee Mee: Thank you.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: I mean, I would allow you to say that Government hospitals are in a deplorable state—that is about enough.

Tuan Loh Jee Mee: I feel it is relevant because while we are discussing the ways to raise the medical standards of private hospitals, I strongly feel that our Government hospitals are far below the standards that the public expect. And I would say that the electro-cardiograph machine is essential for the confirmation of the diagnosis of heart disease and its follow-up. The nearest hospital equipped with this machine is in Ipoh which is about an hour's drive. Operation theatres in district hospitals are only equipped for very minor operations. They should be equipped with facilities for operations like hernia and appendicitis. This will not only take the heavy load out of the major hospitals but also create interest for the doctors concerned. It is a well known fact that in district hospitals medical equipment, for example, the electro-cardiograph machine and facilities for laboratory investigations are lacking. To a doctor trained in a big hospital such facilities are taken for granted. It can be extremely frustrating for a doctor when posted in a district hospital to find that he has to rely mainly on his clinical diagnosis to treat a case. For example, in the Tapah District Hospital laboratory investigations

Tan Sri Haji Sardon: Sir, may I draw your attention. I think your ruling was that the Honourable Member for Batang Padang can draw a comparison but not to debate on the Batang Padang District Hospital. I got a plan; otherwise I will stop the construction of the Batang Padang Hospital.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yes, I think that the line of your debate, Honourable Member, should be that if you say the toilet facilities of the private hospitals are good and good in what manner, you can say that the Government hospital toilet is no good and in what manner?

Tuan Loh Jee Mee: This is a line I am about to bring up. In a district hospital such laboratory investigations have to be sent up to a big hospital, like in Perak, that is in Ipoh, or to the Institute of Medical Research. Such is the state of our advancement and achievement in the most important field of health in spite of the millions invested. The shortage of doctors and staff still remain a major problem in the Ministry of Health after almost 14 years of Alliance rule.

The Health Ministry has now thought about legally committing housemen

